

PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT



PERPUSTAKAAN mencatat satu lagi sejarah apabila dengan rasminya menamakan Perpustakaan Induk, Universiti Sains Malaysia sebagai Perpustakaan Hamzah Sendut.

Upacara memberi nama ini akan disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Profesor Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM dalam satu upacara ringkas tetapi penuh makna ini yang diadakan di Dewan Budaya, USM. Upacara perasmian ini juga dijangka akan turut dihadiri dengan jemputan khas iaitu, keluarga Tan Sri Dato' Hamzah Sendut serta bekas-bekas pegawai tinggi universiti.

Nama Perpustakaan Hamzah Sendut dipilih kerana amat bersesuaian dengan sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh Allahyarham ketika berkhidmat sebagai Naib Canselor di universiti ini.

Beliau adalah Naib Canselor Pertama Universiti Sains Malaysia, dari 1969 hingga 1976 juga merupakan arkitek kepada pembangunan dan perkembangan USM. Sumbangan beliau dapat kita lihat dan nikmati sekarang.

USM telah melahirkan ribuan graduan dalam pelbagai bidang dan kepakaran untuk pembangunan negara sejak 35 tahun lalu. (Profil Tan Sri Hamzah Sendut - di muka surat 6)

Mesej dari Pemangku Ketua Pustakawan

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Saya rasa belum terlewat untuk saya mengucapkan "Happy Deepavali" dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin.

Tahun 2004 merupakan tahun yang begitu sibuk untuk kita semua di Perpustakaan. Tahun 2004 ini merupakan tahun perayaan ulang tahun ke-35 Universiti Sains Malaysia (USM). Sehubungan itu Perpustakaan juga mengadakan beberapa aktiviti untuk merayakan ulang tahun ke-35 USM ini, di mana Perpustakaan pun berusia yang sama.

Antara aktiviti yang kita adakan ialah, Pameran Penerbitan Staf USM, Pameran Koleksi Malaysiana dan Arkib, Pameran Koleksi Buku Nadir, Majlis Pelancaran Perpustakaan Hamzah Sendut dan Persidangan Antarabangsa.

Dalam senario pengurusan dan perkhidmatan Perpustakaan yang berubah seperti menghadapi era globalisasi, isu-isu 'k-workers', 'k-management', penggunaan dan keperluan teknologi tinggi serta

memenuhi kepuasan pelanggan, Perpustakaan USM perlu memikirkan tentang peranan yang harus dimainkan untuk terus berjaya dan cemerlang.

Perpustakaan USM perlu beranjak daripada peranan 'penjaga buku' kepada peranan yang lebih interaktif dan penggerak untuk menjadi pusat ilmu atau 'knowledge centres'. Semua staf Perpustakaan mesti peka dan bersedia untuk menguasai kepakaran dalam perkembangan ICT.

Perpustakaan USM perlu merekayasa dirinya untuk menangani keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran masa hadapan. Bermula dengan memberi nama kepada Perpustakaan Induk USM, sebagai Perpustakaan Hamzah Sendut pada 10 Disember 2004 untuk membentuk satu imej positif Perpustakaan USM. Selain aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Perayaan Ulang tahun ke-35 USM, Perpustakaan juga melaksanakan beberapa projek besar. Pada tahun ini Perpustakaan menukar Sistem Bersepadu Secara Talian Perpustakaan (SBSTP), Phoenix Libermidia kepada ILMU PERDANA. Ini diperlukan kerana Perpustakaan percaya pentingnya untuk mengadakan sistem Automasi Perpustakaan yang

Daripada Meja Pengarang

Pada kali ini keluaran JENDELA adalah teristimewa kerana kandungannya mengupas beberapa perkara penting yang berlaku di Perpustakaan sepanjang tahun ini.

Pertama, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pada tahun ini 2004, USM merayakan sambutan sempena 35 tahun penubuhannya.

Perpustakaan tidak ketinggalan turut serta menayakan sambutan ini dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan acara sebagai satu penghormatan kepada USM yang telah menjangkau usia yang semakin matang. Antara acara yang telah diadakan termasuklah Pameran Koleksi Malaysiana dan Arkib, Pelancaran Sistem Perpustakaan, Persidangan Antarabangsa dan lain-lain.

Penutup kepada acara sambutan ini, Perpustakaan akan diabadikan dengan nama Perpustakaan Hamzah Sendut, iaitu sebagai penghormatan kepada Allahyarham Profesor Tan Sri Hamzah Sendut, iaitu Naib Canselor Pertama USM. Penamaan ini diadakan secara gilang-gemilang selari dengan acara penutupan sambutan Ulang Tahun Ke-35 USM.

Perpustakaan juga pada tahun ini telah mendapatkan Sistem Bersepadu Dalam Talian yang baru iaitu ILMU PERDANA. Dengan pelaksanaan sistem ini, bermakna sistem lama iaitu PHOENIX ditamatkan perkhidmatannya. Sistem baru ini juga dijangka memberi anjakan baru kepada Perpustakaan di dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan cekap.

Selain dari sistem baru, Perpustakaan juga sedang melaksanakan sistem keselamatan kepada bahan-bahan dalam koleksi. Pelaksanaan sistem RFID (Radio Frequency Identification) juga menggambarkan usaha berterusan Perpustakaan menaik-taraf kualiti perkhidmatan kepada pengguna.

Tahun ini juga sekali lagi Perdana Menteri mengumumkan bonus sebulan gaji kepada setiap staf kerajaan. Walaupun pengumuman ini telah dijangka sejak awal oleh staf kerajaan, tetapi kita sepatutnya mengambil iktibar dan belajar di sebalik pemberian bonus tahunan ini. Kita sepatutnya bertanya apakah sumbangan kita

kepada jabatan atau organisasi setimpal dengan penerimaan bonus ini, kerana bonus yang diberikan itu tanpa bersyarat ketat, sama ada yang kerja kuat mahupun yang kurang kerja pun semuanya dapat asalkan memenuhi syarat bertugas dalam tempoh tertentu dalam tahun yang diberikan bonus.

Ada di antara mereka yang jadi 'penumpang perahu sambil goyang kaki' di pejabat pun dapat. Kita harap pihak CEUPACS turut memerhati kepada sindrom jangkitan virus malas di kalangan staf kerajaan, sehingga perkara tidak enak itu menimbulkan fenomena 'tunggul kayu' yang reput 'di jabatan-jabatan diberi juga bonus.

Pada tahun 2004 juga, Perpustakaan telah kehilangan beberapa orang staf. Ketua Pustakawan Puan Noor Ida Yang Rashdi telah bersara wajib pada awal bulan Julai lalu dan jawatan itu kini dipangku oleh Datin Masrah Hj. Abidin. Turut sama bersara wajib ialah Encik Kobal, Puan Che Puteh Che Rose, Encik Abu Othman dan Sazali Ariffin (bersara secara pilihan). Di samping itu, Perpustakaan pada tahun ini turut bersedih dengan pemergian dua staf kerana menyambut panggilan Ilahi. Mereka ialah Encik Mohd. Yusoff Hussain (Bahagian Perkhidmatan Media) dan Encik Annanda Shanmugam (Perpustakaan PTPM)

Yang patah akan tumbuh dan yang hilang akan berganti, begitulah hukum alam. Sama-sama kita doakan yang telah pergi meninggalkan kita semoga mereka akan sentiasa diberkati Allah. Kita yang tinggal semestinya meneruskan perjuangan memartabatkan Perpustakaan sebagai sebuah pusat ilmu yang tidak ternilai.

Mentari 2005 akan menyinsing meninggalkan 2004 dengan seribu kenangan suka dan duka. Yang baik kita jadikan teladan, dan menambahkan iltizam untuk menambah baik segala apa yang kurang. Fajar 2005 seharusnya kita jadikan pancaran semangat untuk meningkatkan kerajinan dan kualiti kerja, 2004 yang pasti pergi dan tidak mungkin akan kembali lagi, biarkan kekurangan lalu kita jadikan sempadan.

Akila W. Ismail

Masej dari Pemangku Ketua Pustakawan

berteknologi tinggi. Selain daripada meningkatkan upaya SBSTP yang baru Perpustakaan juga melaksanakan sistem keselamatan RFID.

Pada bulan November 2004 juga Perpustakaan USM telah menghadapi 'Re-assessment Audit' oleh SIRIM QAS untuk mendapatkan pensijilan ISO sekali lagi. Alhamdulillah kita telah berjaya dan dianugerahkan pensijilan ISO 9001: 2000 untuk selama 3 tahun lagi.

Semua aktiviti itu memerlukan perancangan iltizam dan kerja berpasukan yang tinggi. Saya amat berterima kasih kepada setiap staf Perpustakaan USM yang telah menyumbang tenaga, perkhidmatan,

iltizam dan tanggungjawab dalam membantu menayakan aktiviti-aktiviti yang tersebut tadi. Saya tahu ada di antara Ketua Bahagian, Pustakawan dan staf sokongan yang telah mencurahkan tenaga dengan tidak mengira masa demi untuk menayakan tugas-tugas yang diberi.

Selain daripada melaksanakan hal teknikal dan teknologi tinggi, Perpustakaan juga banyak mengadakan aktiviti-aktiviti latihan untuk staf Perpustakaan seperti kursus PIMPIN, kursus di luar negara, kursus-kursus perkhidmatan pelanggan, motivasi dan lain-lain lagi.

Selaras dengan hasrat Perpustakaan untuk bersedia melangkah ke senario

yang lebih mencabar saya ingin cadangkan Perpustakaan mempunyai dan sama-sama berkongsi satu "shared values" atau nilai kongsi yang berbunyi "Berilmu, Amanah, Progresif". Adalah diharapkan slogan ini akan dapat mencerminkan nilai-nilai yang perlu ada pada setiap staf Perpustakaan dan dihayati untuk membawa Perpustakaan ke tahap kecermerlangan yang lebih tinggi.

Akhir kata semua staf Perpustakaan mestilah beriltizam dan berdedikasi menjalankan tugas untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada setiap pengguna Perpustakaan. Dalam apa perkara pun pengguna hendaklah diutamakan.

Datin Masrah Hj. Abidin

KOLEKSI DUNIA MELAYU SEPERTI YANG DIBICARAKAN DI INTERNATIONAL COLLOQUIUM ON LIBRARIES AND THE CONSTRUCTION OF KNOWLEDGE ABOUT MALAY WORLD

Kolokium Antarabangsa Mengenai Perpustakaan dan Pembinaan Ilmu Pengetahuan tentang Dunia Melayu) di Dewan Pusat Kembangan Pendidikan, UKM, Bangi 2-3 Ogos 2004

Rencana ini ditulis oleh Encik Ramli Abdul Samad, seorang penulis yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Beliau telah melahirkan ratusan rencana dalam pelbagai bidang yang tersiar di akhbar atau majalah tempatan. Selain itu beliau juga pernah menerima beberapa anugerah kerana tulisannya. Kini beliau mengetuai Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan USM sebagai Pustakawan - Pengarang

Saya diberi peluang menghadiri konferensi ini dan ingin berkongsi maklumat mengenai 'Dunia Melayu' yang ada di seantero dunia. Sebanyak 12 kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar pustakawan, arkib dan akademik. Pustakawan yang membentangkan kertas kerja terdiri daripada pustakawan dari Library of Congress (AS), National Library of Australia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Monash University, Arkib Negara Malaysia, SE Asian Studies (Jerman), Universiti of Hawai'i at Manoa, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Leiden.

Lebih kurang 50 peserta hadir yang kebanyakannya terdiri daripada pustakawan dan staf akademik dari beberapa IPTA.

Dato' Zawiyah Baba selaku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) membicarakan peri pentingnya bahan Malaysiana yakni 'sebarang maklumat yang ditulis dalam apa jua format asalkan perihalnya mengenai dunia Melayu baik oleh penulis tempatan mahupun orang luar, tidak kira dalam bahasa apa pun subjek dibicarakan' "Library materials in print and non-print form written by Malaysians or non citizens published either in Malaysia or overseas irrespective of the language used or the publication date whose whole or larger part of the content is related to Malaysia or her people".

Profesor Dr. Syed Hussin Alatas dalam kertas kerjanya "Libraries and the development of civilization" membicarakan betapa peranan sebuah perpustakaan itu yang lengkap isiannya boleh menghasilkan seorang pemikir agung dunia. Contoh yang diberi: Karl Marx telah menghabiskan masanya membuat

kajian di pustaka British Museum dan menghasilkan sebuah buku *Das Kapital* mengenai komunisme. Komunisme kemudian dianut manusia selama 8 dekad di beberapa pelosok dunia sebelum tumbang pada tahun 1991. Mengikut beliau sebuah perpustakaan yang 'well-stocked' dan mempunyai maklumat atau data yang berwibawa adalah amat penting untuk mengeluarkan seorang tokoh besar dan pemikir seperti Karl Marx.

Kertas kerja ke-2: "Preserving what otherwise would be lost"- The collections of KITLV in Leiden. oleh Sirtjo Koolhof dari *Koninklijk Instituut voor Taal-Land-en Volkenkunde* atau Royal Netherlands Institute for Southeast Asian and Caribbean Studies). Beliau memberi satu tinjauan sejarah akan institut KITLV yang di tubuh pada tahun 1851 dan lebih pentingnya ialah koleksi yang termasuk buku, manuskrip, peta dan foto. KITLV merupakan salah sebuah institusi ilmiah tertua yang memfokuskan aktiviti pada bahan Dunia Melayu dan Tenggara Asia. Pada mulanya institut ini dibina bagi memenuhi sokongan kepada dasar kolonial Belanda, memberi tumpuan menerbit kajian ilmiah mengenai Hindia Timur. Setelah bekerjasama dengan Persatuan Hindia atau Indisch Genootschap, fokusnya mula menganjak pada aktiviti perpustakaan. Pada tahun 1908, gabungan kedua-dua persatuan itu telah menjadikannya Perpustakaan kolonial terbesar di Belanda. Selepas Perang Dunia Ke-2, dan tercapainya kemerdekaan Indonesia, aktiviti mula memuncak. Pada pertengahan tahun 1969-an institut itu pindah dari

The Hague ke Leiden, dan kerjasama dengan Leiden University bertambah kuat dan pertumbuhan koleksinya menjadi besar sehingga koleksinya dari segi tajuk mencecah tujuh kali ganda berbanding pada tahun 1960. 70% dari koleksinya adalah berkaitan dengan Tenggara Asia.

Objektif institute ini ialah : menyebarkan dan memelihara pengetahuan mengenai rakyat, budaya, bahasa dan sejarah Tenggara Asia khususnya Indonesia. Pada tahun 2003 institut ini mempunyai 280,555 tajuk termasuk 10,676 majalah.

Bagi kertas kerja bertajuk "Collectors, classifiers and researchers of the Malay World: How individuals and institutions in Britain in the 18th, 19th and early 20th centuries collected, arranged and organized libraries, archives and museums and how that impacts on today's researchers" oleh Nicholas Martland, pustakawan bagi South East Asia, and Pacific Studies, School of Oriental & African Studies, University of London. Mengikut pustakawan ini, pustaka-pustaka di United Kingdom yang mempunyai koleksi Dunia Melayu khususnya yang merangkumi bahan sejarah, sastera, dan linguistik terdiri daripada :-

- The School of Oriental & African Studies Library.
- The Brynmor Jones Library, University of Hull.
- The British Library termasuk The India Office Library & Records.
- The Royal Asiatic Society Library.
- The Bodleian Library, University of Oxford.
- Cambridge University University Library.

- g. The National Archives (The Public Record Office).
- h. The Welcome library for the History and Understanding of Medicine.

Bagaimanapun pustakawan ini menarik perhatian pada perpustakaan yang kurang dikenali tetapi masih menyimpan khazanah Dunia Melayu dalam jumlah yang signifikan. Bahan Dunia Melayu, dari satu segi iaitu linguistik ditakrifkan sebagai "sebuah kawasan yang bahasa Melayu dituturkan atau digunakan", kawasan yang terlibat termasuk Malaysia, Singapura, Brunei dan juga Patani dan Sumatra dan mungkin juga kawasan seperti Madagaskar dan Formosa. Namun apa yang dimaksudkan sebagai abad ke-18, 19 dan 20 merujuk kepada Gugusan Pulau Melayu (Malay Archipelago) dan kawasan ini merangkumi Malaysia, Patani, Indonesia Singapura, Filipina, Brunei, Timur Leste dan Pulau New Guinea. Kawasan ini ditakrifkan sebagai "Dunia Melayu". Maka bahan "Dunia Melayu yang dikumpulkan membawa implikasi cara menyusun, mengatur, mengklasifikasinya dan seterusnya. Bahan-bahan pada perpustakaan berikut menyimpan khazanah yang bercirikan 'sains' seperti botani dan tumbuh-tumbuhan, bahan teknikal, laporan sains dan surat-menyurat (correspondences).

- a. The Royal Botanic Gardens, Kew - <http://rbgkew.org.uk>. Mempunyai 4,000 majalah, 150,000 monograf, 150,000 risalah dan 20,000 ilustrasi dan 250,000 surat
- b. The Natural History Museum - <http://nhm.ac.uk/art>.
- c. National Maritime Museum - <http://nmm.ac.uk>
- d. The National Maritime Museum - <http://www.nmm.ac.uk>

DBP's Malay Documentation Centre: From Philosophy to Social Sciences

Kertas kerja yang dibentangkan oleh Rohani Rustam, mantan Ketua Pustakawan DBP. DBP ditubuhkan pada tahun 1956 dengan kesedaran untuk memertabatkan bahasa Melayu. Perpustakaan yang

dikenali sebagai Pusat Dokumentasi Melayu (PDM) telah melalui beberapa tahap perkembangan dari sebuah perpustakaan jabatan, kemudian membuka perkhidmatan kepada pelajar menengah dan sekarang menumpu kepada pemeliharaan bahan penyelidikan mengenai bahasa dan sastra Melayu.

Sekarang PDM membina, mengumpul bahan-bahan bukan saja mengenai perihal sastra dan bahasa Melayu tetapi aspek lain dalam kehidupan orang Melayu yang bersifat kemasyarakatan dan budaya.

Kertas kerja "Southeast Asia librarianship & shifting social and political climates in higher education" oleh Rohayati Paseng Barnard, pustakawan di University of Hawaii at I' Manoa. Di Amerika Syarikat (AS) terdapat 13 pustaka akademik yang mempunyai koleksi mengenai Tenggara Asia.

- a. Arizona State University
- b. University of California-Berkeley
- c. University of California-Los Angeles
- d. Cornell University
- e. University of Hawaii
- f. University of Michigan
- g. Northern Illinois University
- h. Ohio University
- i. University of Washington
- j. Wisconsin University
- k. Yale University
- l. Library of Congress
- m. Centre for Research Library in Chicago

Sebuah universiti akan membina koleksi mengenai Tenggara Asia di University of California-Riverside, AS. Koleksi Tenggara Asia di University of Hawaii at I' Manoa ditubuhkan pada tahun 1962 dan kini mempunyai sebanyak 7,115 bahan mengenai Malaysia (16,000 monograf, 1148 tajuk bahan bersiri dan 200 bahan audio. Cornell University, Ohio University (30,000 monograf dan 864 tajuk majalah) dikatakan memiliki bahan mengenai Malaysia yang besar. Mengikut beliau penggunaan bahan koleksi Tenggara Asia adalah aktif. Beliau sempat menyebut mantan staf akademik USM, Dr. Wazir Jahan Begum Karim telah menerima anugerah berprestij

"Kerusi Andrew" pada tahun 2003 dan memberi kuliah mengenai perspektif Orang Asia mengenai Asia di Universiti of Hawaii.

Kertas kerja "Collecting Malay Books In The Nineteenth Century: Some Reflections" oleh Holger Warnk, J.W. Goethe-Universitat, dari Southeast Asian Studies, Frankfurt. Mengikut Holger Warnk pada kurun ke-19, pengutip buku Melayu sama ada dalam bentuk manuskrip atau cetakan terdiri daripada para sarjana, pentadbir kolonial, mubaligh dan pencinta buku dari kalangan orang Eropah. Antara mereka yang terkenal adalah : Raffles, Marden, Crawford, Klinkert, van der Tuuk, von Dewall, Roorda, Favre, Maxwell, Overbeck, Wilkinson dan Skeat. Koleksi mereka diserahkan kepada perpustakaan awam dan koleksi itu menjadi sebahagian penting yang relevan pada koleksi manuskrip Tenggara Asia.

Dengan itu juga pengetahuan dan keintelektualan budaya Melayu Semenanjung dan Dunia Melayu amnya tersimpan dalam manuskrip berikut yang dikutip baik secara tak sengaja mahupun secara tidak sistematik. Koleksi itu mencerminkan minat mereka dalam beberapa bidang: *sejarah istana, kajian salasilah (geneologi) kaum aristokrat, adat-istiadat dan undang-undang*. Teks agama dan syair yang popular pada kurun itu tidak banyak dikutip. Manuskrip dan buku yang terdapat di pondok madrasah atau masjid tidak dikutip seperti manuskrip di atas. Justeru koleksi Melayu tidak seimbang kerana manuskrip agama dan linguistik tidak banyak dikutip.

"Searching for the Malay World at The Library of Congress" oleh Kathryn Anderson, pustakawan di Library of Congress (LC), Washington AS, Bahagian Asia.LC, sebuah perpustakaan terbesar di dunia, mempunyai 128 juta bahan. Di Bahagian Asianya tersimpan koleksi Melayu yang merangkumi semua subjek kecuali pertanian dan perubatan. Bahan Melayu terdiri daripada novel, bahan bersiri, terbitan kerajaan, disertasi, kamus, puisi, buku resepi, panduan

pengguna dan triti politik dan agama. Koleksi bahan Melayu telah bermula sejak tahun 1838-1842. Bahan dikumpul melalui Expedisi Kembara Wilkes (Wilkes Exploring Expedition). Hanya pada tahun 1860-an koleksi itu dipindah pada LC. Bahan Melayu merangkumi wilayah yang termasuk dalam Nusantara (termasuk bahan mengenai Aceh, Batak, Bugis, Iban, Jawa, Madures, Minangkabau, Sudanes, Tetum dan pelbagai suku Dayak yang lain). Bukan semua bahan dari Dunia Melayu dikatalog. Ada yang sulit sungguh untuk dikatalog sehingga hari ini. Bahan selain buku termasuk peta dan foto-foto lama. Bahan Melayu di LC yang bukan dalam bentuk monograf masih tidak dikatalog dan agak sulit untuk mengesannya tetapi LC mempunyai pustakawan yang mesrapengguna sedia membantu anda jika anda ke sana membuat kajian. Mengikut beliau permintaan bagi bahan Dunia Melayu adalah sangat terhad.

Australian National University, So Far....? oleh Anna Reid, Pegawai Akses Maklumat Asia Tenggara, Australian National University (ANU).

ANU telah mula membina koleksi Asia dan Pasifik sejak 40 tahun yang lalu bagi mendukung program penyelidikan dan pengajaran universitinya. Jika digabungkan dengan Perpustakaan Negara Australia (National Library of Australia) koleksi kedua-dua perpustakaan itu merupakan salah satu sumber dunia mengenai Asia dan Pasifik terbesar di dunia. ANU dikatakan memiliki bahan sejarah dan semasa mengenai Melayu yang kuat. Ia juga terkenal dengan memberi pengajaran dalam bidang Kajian Asia termasuk kajian tentang manuskrip dan sastra Melayu, undang-undang Islam, dan Melayu, politik, nasionalisme dan sastra Islam. Beliau ada menyebut staf UKM Profesor Shamsul telah memberi forum mengenai 'Dunia Melayu' pada tahun 2003 di ANU. Siri Sejarah Sastra Melayu (Sulalat'us-Salatin), Kisah Pelayaran Abdullah Abdul Kadir Munshi dari Singapura ke Kelantan, satu set lengkap Logan's Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia dan hampir satu set lengkap *Journal of*

the MBRAS, majalah DBP (Dewan Bahasa dan Dewan Sastra), *Penang Gazette* dan *Straits Chronicle 1879-1900*, *Sarawak Gazette 1897-1941*, 1955-, adalah antara bahan mengenai Dunia Melayu yang tersimpan di ANU. Mengikut beliau bahan 'Dunia Melayu' diguna dengan aktif.

"The Collection of the National Library of Indonesia: The Impact on the Construction of Knowledge oleh Sungkwo Rahardjo Perpustakaan Nasional Republic Indonesia terletak di Jakarta Capital Territory, pada tahun 1980 mempunyai 1.1 juta bahan terdiri daripada buku, surat-kahbar, terbitan berkala, peta, buku langka (rare book), bahan AV dan manuskrip Nusantara. Selain itu ia juga mempunyai bahan berkala tempatan dan luar dari abad ke-18, buku langka dalam pelbagai bahasa daripada abad ke-16, bahan rujukan terbitan abad ke-17 seperti kalender, ensiklopedia, kamus, surat-kahbar tempatan dan luar negara dari abad ke-17, foto-foto lama dan bersejarah, peta purba dari abad ke-12 dan koleksi manuskrip. Koleksinya merupakan warisan intelektual Indonesia.

Scholarship, Politics and Libraries in the Construction of Knowledge about the Malay World: The Example of Monash University's Southeast Asian Collection" oleh Aline Scott-Maxwell, Pustakawan Kanan, Asian Studies, Monash University Library Bagi koleksi di Monash University, istilah 'Dunia Melayu' merujuk pada Bahan bagi negara seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia tetapi merangkumi juga Filipina dan Selatan Thailand. University Monash telah menubuhkan Koleksi Asia Tenggara sejak tahun 1960-an bagi mendukung program penyelidikan dan pengajaran universiti itu.

Beliau memberi penghormatan kepada pustakawan Puan Helen Soemarjo yang telah bertanggungjawab memperolehi sumber seperti buku, majalah, dan bahan arkib dalam bentuk mikroform. Monash University telah juga menghasilkan ramai sarjana yang pakar dalam kajian Asia Tenggara. Pembinaan

koleksi dikaitkan dengan perkembangan politik Australia.

Akhir sekali diadakan perbincangan sebulat meja akan masa depan dengan isu Kajian Melayu (The future and Malay Studies) oleh

- a. Dr. Kathryn Anderson-Library of Congress
- b. Dr. Aline Scott-Maxwell-National Library of Australia
- c. Mr. Sirto Koolhof-Leiden, Netherland
- d. Prof Dr. Shamsul Amri Baharuddin - UK

Mereka telah membicarakan sama ada 'Kajian Melayu' atau 'Kajian Dunia Melayu' merangkumi konsep etnik sebagai unit penganalisisan. Sementara kajian Dunia Melayu merangkumi wilayah geografi dan linguistik sebagai unit penganalisisan. Titik persetujuan masih bersifat tertangguh kerana perihal 'Melayu' dan 'Dunia Melayu' boleh menjadi satu isu yang amat kompleks untuk dipersetujui secara bulat suara. Namun bahan Dunia Melayu yang terdapat di beberapa pustaka di atas bumi ini boleh menjadi bahan rujukan berguna untuk memahami tamadun yang dialami oleh orang Melayu.

Titles, ranks and posts are external decorations, cosmetics, and don't mean a thing if the person does not display pure and noble values
- Sultan Azlan Shah

HAMZAH SENDUT DALAM KENANGAN

Mungkin tidak ramai yang mengenali susuk manusia bernama Hamzah Sendut. Beliau adalah Naib Canselor (NC) pertama Universiti Sains Malaysia (USM). Anak jati kelahiran Kampung Air Mawang di Johol, Negeri Sembilan. Daripada seorang anak petani dan penoreh getah beliau berjaya menggilap banyak kecemerlangan akademik sehingga pada April 1969 beliau telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ke-4, Al-Marhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Al-Mahrum Sultan Zainal Abidin sebagai Naib Canselor USM.

Kita sedia maklum bagaimana cabaran yang harus ditempuhi untuk membuka sebuah IPTA baru. Hamzah Sendut yang lebih dikenali sebagai Tan Sri Hamzah Sendut (TSHS) menjadi perintis memulakan sebuah universiti kedua negara. Saat beliau menjadi NC, beliau sudah mengukir sejumlah kelayakan gemilang seperti P.S.M., P.P.T., D.J.N., B.A.(Malaya), M.C.D.(Liverpool), D.Sc.(Tokyo), Hon. L.L.D.(Seoul) dan memiliki gaya kerja yang cekap, teratur dan berdisiplin tinggi.

Beliau yang dilahirkan pada tahun 1927 seolah-olah ditakdirkan mempunyai pakej sebagai tokoh yang berkaliiber dan pemimpin yang disegani. Beliau memimpin USM sehingga tahun 1976.

TSHS mencuba sesuatu yang inovatif di USM, sesuatu yang lain tetapi masih tetap baik dan bermutu. Sungguhpun USM bersifat nasional, namun TSHS berhasrat mencipta identiti dan keperibadiannya sendiri, sesuai dengan tuntutan semasanya. Tatkala banyak universiti di rantau Asia Tenggara yang masih mengguna kaedah fakulti di dalam mengembangkan skema pendidikan tinggi mereka, TSHS memperkenalkan sistem pusat pengajian. Sistem ini masih berdasarkan sistem unit kredit (*credit unit system weightage*). Mengikut sistem ini para mahasiswa ketika itu digalakkan mengambil kursus yang ditawarkan oleh pusat pengajian lain. Misalnya seseorang mahasiswa dari pusat pengajian sains dibenarkan mengambil beberapa mata pelajaran atau kursus dari pusat pengajian ilmu kemanusiaan. Tujuannya adalah untuk membentuk keluwesan minda, dengan erti kata, memberi peluang untuk mDatoemastikan bahawa para mahasiswa menerima ilmu daripada pelbagai sumber dan tidak semata-mata terikat dengan kursus terasnya sahaja khususnya pada peringkat awal. Para mahasiswa akan menyedari bahawa banyak bidang ilmu itu mempunyai hubung kait dengan satu dengan yang lain meskipun tidak secara langsung. Maksudnya seorang mahasiswa itu akan menerima pendidikan dan akan terbentuk mindanya yang seimbang. Dengan itu USM di bawah pimpinan TSHS menjadi pelopor pertama IPTA yang mengamalkan sistem antara disiplin.

Terdapat banyak idea baru yang direalisasikan kepada perkembangan USM, namun tidak mungkin ruang editorial ini boleh memuatkan semuanya.

Naib Canselor juga merupakan seorang pentadbir akademik. Dalam hal ini TSHS selama pentadbirannya telah



berjaya menghasilkan mutu graduan yang berkualiti. Beliau mengambil tenaga pengajar yang berwibawa dari luar negara dan bagi meneruskan kesinambungan kecemerlangan itu, beliau telah mempersiapkan satu program melatih tenaga-tenaga baru yang terdiri daripada anak-anak tempatan untuk mengambil alih staf akademik sementara itu. Mahasiswa bumiputra yang berpotensi, tetapi tidak memiliki kelulusan yang mencukupi diasah lagi minda mereka melalui program yang diperkenalkan 'Pra Universiti' selama setahun sebelum diserap sepenuhnya ke tahun satu. Ramai mahasiswa bumiputra yang berjaya mengikuti program ini.

Pada eranya juga bahasa Melayu diberi perhatian serius di samping memberi tekanan pada bahasa Inggeris. Kelas-kelas khas bahasa Melayu diberi bukan sahaja pada mereka yang sudah memiliki kredit pada tahap SPM, staf tenaga luar diberi program khusus dalam bahasa Melayu bagi menyiapkan mereka supaya boleh berkuliah dalam bahasa Melayu.

Prestasi akademik TSHS diakui oleh beberapa institusi akademik di luar negara. Beliau dikurniakan dengan anugerah ijazah kehormat kedoktoran oleh dua buah universiti terkenal, satu dari Korea Selatan (Kyung Hee University, 1970) dan satu lagi dari Britain (University Strathclyde, 1975). Beliau juga diterima mengikuti Program Termaju Mengenai Pengurusan Bisnes di Harvard University pada tahun 1973. Sekali gus nama beliau, USM dan negara menjadi harum semerbak. Selain itu USM menarik lawatan beberapa pemenang Hadiah Nobel.

BRIEF HISTORY OF THE UNIVERSITY

The idea of establishing the second institution of higher learning in the country first began in the State of Penang in the early fifties. It was not until 11 April 1962 when the Penang State Legislative Assembly resolved that, "In the interest of Penang especially and Malaya as a whole, representations should be made to the University of Malaya authorities for early action with regard to the establishment of a University College or an institution of similar status affiliated to the University of Malaya which could be the nucleus around which ultimately, the University of Penang could be developed."

The State Government submitted its proposal to the Higher Education Planning Committee set up on 26 September 1962. While the Higher Education Planning Committee was preparing its report, the Penang State Government established a committee known as the University College Project Committee under the Chairmanship of the Yang Berhormat D.S. Ramanathan, J.P., then Mayor of Penang, "to study and explore the possibilities for the early establishment of the University College of Penang". This Committee prepared and submitted a memorandum on 21 November 1964, to the then Prime Minister of Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman.

Approximately 600 acres of land in Sungai Ara were acquired for the purpose and the foundation stone of the University College was laid there by him on 7 August 1967. On the same day, a Working Committee was appointed with the then Minister of Education, YB Encik Khir Johari as Chairman and Vice-Chancellor of the University of Malaya as Deputy Chairman, to advise the government on the necessary steps to be taken for the

establishment of the University College in Penang. Meanwhile the Higher Education Planning Committee presented its Report to the Cabinet which was subsequently passed by Parliament in November 1967. On the recommendations of the Working Committee, it was decided in mid-1968 that the proposed University College be full status as a separate and autonomous University.

In April, 1969, YB Tan Sri Professor Hamzah Sendut, P.S.M., P.P.T., D.J.N., B.A.(Malaya), M.C.D. (Liverpool), D.Sc.(Tokyo), Hon.L.L.D.(Seoul), was appointed by the Yang DiPertuan Agong as Vice-Chancellor Designate and charged with the responsibility of setting up and running the University of Penang. The first intake of 57 undergraduates were matriculated to read courses in the natural sciences in the School of Biological Sciences, Chemical Sciences, and Physics and Mathematics. The draft Constitution was framed by a Cabinet Committee headed by Justice Tan Sri Suffian bin Mohd Hashim in July 1969, and the **University was officially founded on 4 October 1972**, when the Incorporation Order was signed by Encik Hussein bin Datuk Onn in his capacity as the Minister of Education.

In April 1972, the University was advised by the Government of Malaya to change its name to Universiti Sains Malaysia to bring into sharper focus the academic thrust of the University which is science and technology.

(reprinted from *Universiti Sains Malaysia Staff Handbook, November 1972*)

TSHS kembali ke rahmatullah mengadap Illahi pada tahun 1996 dalam usia 69 tahun. YAB Bhg Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Hamdan Sheikh Tahir, mantan Naib Canselor USM kedua menyifatkan TSHS sebagai seorang pendidik dan negarawan luar biasa. Masih ramai lagi yang mengenang ketokohan beliau. Naib Canselor USM ke-5, Dato' Profesor Dzulkifli Abdul Razak telah mencadangkan bahawa, bagi mengenang tokoh dan jasa TSHS, nama beliau ingin dipahatkan pada nama Perpustakaan USM.

Maka pada 10 Disember 2004 ini sempena USM meraikan ulang tahun ke-35nya, satu upacara sederhana akan dibuat untuk mengabadikan nama TSHS. Nama perpustakaan USM akan menjadi Perpustakaan Hamzah Sendut. Tidak ada lagi yang tepat bagi mengenang jasa TSHS. Beliau telah meletak asas yang kukuh bagi perkembangan USM. Nama beliau menjadi pengiring kepada kenangan kesinambungan jati diri USM.

**Sudah lama USM menanti
Kasih bersemi segar berseri
Hamzah beri bunga melati
Indah mekar di lubuk hati**

Research is the activity of diligent inquiry and collection and interpretation of facts. The ultimate aim is to make statements that constitute the truth of a system under investigation. The value of a research increases when the truth uncovered is of a more general application and provides a better explanation for a system's behaviour. - Dr. YL Khong

PERPUSTAKAAN USM SELEPAS 35 TAHUN

Oleh Hamdan Hassan
Ketua Bahagian Perkhidmatan Media

1. Perpustakaan Utama Universiti Sains Malaysia bermula dengan penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang pada pertengahan tahun 1969. Seramai 57 orang telah mendaftar sebagai kumpulan pertama mahasiswa USM. Perpustakaan menumpang buat sementara di Maktab Perguruan Persekutuan, Gelugor.
2. Pada tahun 1971, Perpustakaan berpindah ke kampus tetap Universiti Sains Malaysia di Minden, Pulau Pinang. Masih mengguna bangunan sementara. Bangunan sementara itu kini menjadi Muzium USM.
3. Akhirnya pada tahun 1979, Perpustakaan USM berpindah ke bangunan yang baru bersebelahan dengan bangunan Dewan Tuanku Syed Putra sebagai Perpustakaan Utama Satu. Bangunan ini juga dikenali sebagai Blok G02, merupakan bangunan tetap untuk Perpustakaan.
4. Dengan peredaran masa dan meningkatnya keperluan yang mendesak, satu lagi bangunan bagi menampung perkembangan Perpustakaan, maka Perpustakaan Utama II (atau Blok E41) dibina pada tahun 1995 di kampus induk.
5. Selain itu, USM membuka dua kampus tambahan di Kelantan dan Perak. Perkembangan itu membawa kepada pembinaan Perpustakaan cawangan seperti Perpustakaan Kampus Kesihatan, Perpustakaan Kampus Kejuruteraan, Perpustakaan Media dan Perpustakaan Pusat Islam.
6. Perpustakaan Kampus Kesihatan ditubuhkan pada tahun 1982 di Pulau Pinang di bangunan Perubatan Kampus Induk. Kemudian ia berpindah ke Kota Bharu Kelantan pada tahun 1986.
7. Perpustakaan Kampus Kejuruteraan pula ditubuhkan pada tahun 1986 di Ipoh, Perak. Kemudian ia berpindah pula ke Kampus Cawangan Sri Iskandar, Tronoh pada Disember 1989. Seterusnya, pada tahun 2001, Perpustakaan ini berpindah lagi ke Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
8. Perpustakaan Media terletak di Bangunan Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (Blok D11), Kampus Induk. Ianya ditubuhkan pada tahun 1974 tetapi bertukar wajah pada Julai 1989 setelah mengalami kebakaran. Perpustakaan ini berada dibawah pengawasan Bahagian Perkhidmatan Media.

9. Perpustakaan Pusat Islam (Blok F02) pula diwujudkan pada tahun 1990, di Pusat Islam Kampus Induk. Ianya mempunyai koleksi bahan-bahan maklumat mengenai Islam.
10. Perpustakaan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) adalah perpustakaan cawangan yang terkini yang ditubuhkan pada tahun 2002 di Kampus IPPT di Bertam, Seberang Perai Pulau Pinang.
11. Secara amnya, Perpustakaan USM Induk terbahagi kepada beberapa Bahagian seperti Bahagian Perolehan, Bahagian Proses Teknik, Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan, Bahagian Perkhidmatan Media, Bahagian Rujukan dan Maklumat, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Hadiah, Bahagian Automasi, Bahagian Malaysia dan Arkib dan Bahagian Latihan, Projek dan Penyelidikan.
12. Semenjak penubuhannya Perpustakaan USM telah berkembang dengan pesatnya. Hingga kini koleksi bahan-bahan maklumat perpustakaan USM induk telah melebihi 800,000 naskhah. Ianya terdiri daripada berbagai-bagai jenis sumber maklumat seperti buku, majalah, pita video, disket, cd, dvd, peta, filem, mikrofon, slaid, model, foto udara dan transparensi.
13. Pada awalnya sistem organisasi sumber maklumatnya mengguna sistem katalog kad dan mikrofilm. Kemudian pada tahun 1987 perpustakaan USM telah mengorak langkah dengan menerap teknologi maklumat berkomputer ia itu mengguna sistem **Katalog Dobis Libis** yang dapat meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatannya (sehingga tahun 1996). Sejalan dengan perkembangan teknologi maklumat yang pesat maka sistem katalog Perpustakaan USM sekali lagi mengalami perubahan kerana ia menukar kepada sistem **Phoenix** mulai pada tahun 1997 hinggalah pada tahun 2004. Kini demi mempertingkatkan lagi perkhidmatan perpustakaan supaya dapat menangani keperluan semasa sistem katalog baru iaitu **Ilmu Perdana (Malaysia)** pula diguna mulai Ogos 2004.
14. Perpustakaan USM juga menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan untuk pengguna seperti:-
 - (i) Peminjaman dan pemulangan bahan-bahan.
 - (ii) Meja Penasihat Pembaca
 - (iii) Pinjaman Antara Perpustakaan
 - (iv) Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat
 - (v) OPAC
 - (vi) Internet
 - (vii) Pinjaman Majalah Kini dan surat khabar lama
 - (viii) Bilik Perbincangan
 - (ix) Bilik karel



- (x) Koleksi Simpanan Khas dan Jarak Jauh
 - (xi) Perkhidmatan Mesin Fotostat
 - (xii) Malaysia dan Arkib
 - (xiii) Perkhidmatan Media
 - (xiv) Peti Loker
15. Selain itu Perpustakaan USM turut mengadakan berbagai-bagai aktiviti yang diadakan dari masa ke semasa seperti:-
 - (i) Pameran
 - (ii) Persidangan
 - (iii) Lawatan
 - (iv) Malam Astaka
 - (v) Jamuan perayaan
 - (vi) Hari Keluarga
 - (vii) Sambutan Hari Kemerdekaan
 16. Berbagai-bagai inovasi penting turut dilaksanakan di Perpustakaan USM seperti:-
 - (i) Projek MALMARC dari tahun 1979 hingga 1990
 - (ii) Pangkalan data CD-ROM dalam bentuk CD-Net bermula pada Disember 1996.
 - (iii) Perpustakaan Maya dengan bermulanya Laman Web perpustakaan pada April 1996.
 17. Kini perpustakaan USM telah dewasa dan telah mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan seperti:-
 - (i) Mendapat Anugerah Kualiti pada tahun
 - (ii) Menerima Anugerah Sanggar Sanjung pada tahun
 - (iii) Mendapat ISO 9001 : 2000 pada tahun

Dengan sokongan daripada semua staf perpustakaan diharap berbagai-bagai kejayaan akan dicapai lagi pada masa-masa hadapan.

Internet Punah Pada Tahun 2006?

Beragam virus komputer dan spam e-mel dalam jumlah yang amat besar boleh menyebabkan kepunahan Internet di masa hadapan. Peringatan ini dikemukakan oleh salah seorang peniliti teknologi dari Finland seperti dikutip *Mail & Guardian Online*, Selasa (19/10).

Hannu H Kari, peniliti dan Profesor dari Helsinki University of Technology, memperkirakan bahawa pada awal kejatuhan Internet akan terjadi pada tahun 2006 akan datang. Analisis Kari didasarkan kepada trend di dunia maya mengenai spam dan virus yang saat ini sedang bermaharajalela.

Menurut Kari, masalah yang terjadi di Internet tidak hanya terkait dengan teknologi sahaja. "Ramai sekali manusia yang memiliki tujuan kurang baik ketika memanfaatkan internet."

Contoh yang paling nyata adalah semakin banyak spam dan virus yang beredar di jaringan Internet. Akibatnya dunia maya menjadi semakin kacau dan susah untuk menyaring isi kandungan yang tidak dingini. Akses ke tapak web menjadi tidak nyaman lagi kerana banyak tapak palsu yang membelokkan arah pelayar.

Jumlah spam yang semakin meningkat di dalam jaringan Internet dan menyebar melalui e-mel juga menurunkan efisiensi serta menambah biaya. Sementara itu, pengguna Internet akan semakin jarang mengakses tapak web sekadar untuk mendapat informasi.

Isu lain yang boleh menyebabkan matinya nanti Internet adalah ditemukannya banyak lubang keamanan di pelayar. Lubang ini boleh dimanfaatkan oleh seseorang untuk mencuri data di komputer yang telah terinfeksi virus. Selain itu, lewat lubang tersebut penggoda boleh mengendalikan ratusan PC dari jarak jauh melalui Internet.

Semakin tidak amannya Internet tentu akan membuat manusia malas untuk mengunjunginya. Untuk mencegah Internet ditinggalkan manusia, Kari menyarankan adanya langkah-langkah yang lebih proaktif. Menurutnya, diperlukan peningkatan infrastruktur dan sofwer untuk mencegah kesan daripada serangan virus dan penyusup. Selain itu, pengenalan pengguna Internet layak ditingkatkan pula.

"Saat ini belum ada jaminan kalau pengirim spam atau virus merupakan pemilik e-mel yang sah," tambah Kari. "Kadang-kadang seseorang itu boleh dituduh sebagai spammer, akibat manipulasi e-mel yang dilakukan oleh pencipta virus."

PENGURUSAN PENGETAHUAN STRATEGIK

Oleh Ramli Abdul Samad

Sesebuah organisasi moden di dalam persekitaran globalisasi dan liberalisasi lambat laun harus menerima bahawa elemen pengetahuan itu akan memainkan peranan yang lebih dominan dalam halatujunya. Halatuju sesebuah organisasi yang ingin maju itu ialah ia harus memastikan ia tetap akan berdaya saing dan sudah tentu produktiviti sentiasa meningkat. Soalnya sekarang bagaimana hendak menentukan yang organisasi itu menepati halatuju itu dalam konteks moden itu?

Mana-mana organisasi mesti mempunyai sumber seperti manusia, peralatan, teknologi dan bangunan untuk menjalankan aktiviti. Bagaimanapun dengan kemajuan ICT peranan perisian dan pengetahuan kreatif manusia itu kian menjadi penting dalam meningkatkan prestasinya.

Kita ambil contoh di mana pada satu era dulu di tahun 60-an banyak negara di dunia bergantung pada sektor pertanian untuk memperoleh hasil mahsul negara. Pada awal 70 dan 80-an sebahagian besar negara berkenaan termasuk negara kita telah mempelbagaikan usahannya menjana pendapatan ekonomi. Negara kita misalnya pada awal tahun 70-an bergantung sebanyak 31 peratus dari KKNKnya ke atas pertanian dan pergantungan ini terhadap sektor pertanian telah berkurangan menjadi lebih kurang 10 peratus pada awal abad ke-21. Sektor pembuatan yang pada tahun 1970 menyumbang sebanyak 23 peratus, pada tahun 2000 telah menyumbang sebanyak 48 peratus kepada KNNK negara. Negara kita sekarang bergantung banyak kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan sebagai punca pendapatan negara. Sektor pembuatan telah banyak mengguna ICT untuk melicinkan proses pengurusan dan meningkatkan produktiviti.

Dengan perkembangan pesat ICT, beberapa negara maju dan termasuk negara kita sedang bercadang untuk memasuki ke alam ekonom yang digelar sebagai k-ekonomi. K-ekonomi bermakna ekonomi yang banyak bergantung kepada unsure ilmu pengetahuan dengan bantuan ICT untuk menjana kekayaan negara. Pelan Induk K-ekonomi Negara yang merangkumi tempoh 2001-2010 telah dilancarkan oleh Kementerian Kewangan pada tahun 2002. Pelan ini memberi panduan, strategi dan rangka besar bagaimana negara hendak mengharungi

ekonomi baru ini. Transformasi negara daripada ekonomi yang berasaskan pengeluaran kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan sudah tentu melibatkan semua organisasi yang menyumbang kepada kekayaan negara.

Kalau dulu faktor seperti modal dan tenaga buruh menjadi kriteria penting dalam sesebuah organisasi, kali ini pengetahuan dan kepakaran yang ada di dalam organisasi itu jika diolah secara kreatif akan menjadi penentu besar dalam menjayakan sesebuah prestasi organisasi itu.

Bagaimana hendak merentasi k-ekonomi? Sekarang telah timbul dalam kesedaran bahawa di dalam sesebuah organisasi itu sudah ada pengetahuan dan kepakaran. Pengetahuan dan kepakaran itu mungkin tidak dicungkil sepenuhnya. Maka itu proses menggembelngkan pengetahuan daripada tenaga manusia serta berbantuan ICT di dalam sesebuah organisasi itu untuk menghasilkan kekayaan negara dipanggil sebagai **pengurusan pengetahuan strategik**. Dalam konteks Malaysia k-ekonomi bermaksud sebuah ekonomi yang mana pengetahuan, kreativiti dan inovasi memainkan peranan signifikan di dalam menjanakan dan melestarikan pertumbuhan ekonomi.

Dengan itu pihak pengurusan harus mengamalkan bagaimana hendak memanfaatkan dan memajukan pengetahuan di dalam organisasi itu untuk memastikan kedudukan organisasi itu berada dalam keadaan berdaya saing dan berproduktif. Proses ini bukanlah satu amalan yang mudah namun tidak mustahil kita tidak boleh menguasainya.

Pengurusan pengetahuan strategik secara mudahnya ialah ia merupakan satu usaha bagaimana hendak membangun sebuah budaya inovatif di dalam sesebuah organisasi dengan berbantuan ICT demi memperolehi satu kedudukan berdaya saing, prestasi yang lestari dan meningkatkan produktiviti melalui pemanfaatan pengetahuan.

Selama ini sesebuah organisasi yang berjaya itu telahpun mempunyai beberapa ciri yang menguruskan kejayaannya. Ciri-ciri tu seperti sistem kualiti, infrastruktur teknologi, jawatankuasa penstrukturan staf dan organisasi termasuk bahagian latihan dibina untuk memantau dan memastikan prestasi organisasi itu berkembang secara dinamis. Namun satu ciri baru di

dalam pengurusan yang dinamakan pengurusan pengetahuan strategik akan menjanjikan membawa lebih banyak lagi pendapatan, pengaliran tunai dan keuntungan kepada syarikat itu jika ditangani dengan profesional dan kreatif.

Kenapa demikian? Kerana pengurusan pengetahuan strategik memberi satu kaedah sistematik untuk sesebuah organisasi itu menggalakan proses dan penjana idea, berkongsi secara berkesan amalan-amalan terbaik dalam organisasi itu, mempelajari daripada pengalaman kaya yang lalu, menjauhi kesilapan besar, membangun penyelesaian bisnes secara inovatif dan kreatif di dalam menghadapi cabaran-cabaran pasaran yang sentiasa berubah di antara kakitangan mereka.

Pengurusan pengetahuan strategik akan mengenalpasti tenaga pekerja profesional yang akan berperanan membantu mencetuskan, membangun, mencipta dan membina pengetahuan kreatif untuk dimanfaatkan oleh sesebuah organisasi itu. Organisasi yang berada ke hadapan lazimnya akan mengambil kira bahawa sumber manusianya yang berpengetahuan sebagai aset strategik dan akan secara aktif mengguna dan mengurusnya untuk meningkatkan nilai bisnes organisasi.

Pakar-pakar pengurusan pengetahuan strategik memperturunkan lapan teras kecekapan atau kemahiran yang harus ada pada seseorang k-profesional yang akan melaksanakan kecemerlangan dalam sebuah organisasi untuk merealisasikan k-ekonomi. Beliau harus memiliki ciri-ciri strategik seperti pemikiran, tanggungjawab pengetahuan, disiplin, mempunyai sifat dan kecenderungan menginovasi yang digerak oleh dirinya sendiri, mempunyai minda yang berfokus kepada penyelesaian yang terbaik, sentiasa membina pengetahuan pribadi, menyumbang idea inovasi kepada ahli-ahli dalam kumpulan dan pembelajaran yang diarah terhadap prestasi. Pendek kata k-profesional itu bukanlah profesional teknologis (ahli teknologi) tetapi seorang profesional yang cekap yang mempunyai sikap yang benar, pengetahuan dan kemahiran dan disokong oleh keupayaan teknikal.

Di dalam melalui transformasi kepada k-ekonomi maka tidak boleh tidak pengurusan pengetahuan strategik akan menjadi satu bentuk pengurusan yang akan diguna pakai membantu kaedah pengurusan lain yang sedia ada. Organisasi atau syarikat harus

memikirkan cara-cara untuk mewujudkan pengetahuan, menggunakannya dan mengedarkan pengetahuan itu bagi memperbaiki lagi prosedur aktiviti sedia ada dan seterusnya meningkatkan lagi output atau produk organisasi itu. Kemahiran dalam menguasai dan mengaplikasikan pengurusan pengetahuan strategik adalah kunyi kepada kejayaan untuk memasuki alam k-ekonomi.

Ciri-ciri pekerja berpengetahuan

- berpandangan global tetapi bertindak 'local'
- inovatif
- berkeyakinan diri
- kreatif
- boleh menyesuaikan diri sendiri
- berfokus untuk menyelesaikan masalah
- dan semua nilai positif yang boleh kita fikirkan

Di Pulau Pinang, Ketua Menteri telah melancarkan Pelan Induk K-ICT pada 18 September, 2002. Projek Rangkaian Perpustakaan Pulau Pinang (Penang Library Network, PLN) telah digabungkan di bawah Jawatankuasa Pemandu Pekerja Berilmu (K-worker Development)

Tujuan utama PLN adalah untuk menyediakan satu 'Gudang Pengetahuan Induk' di dalam hub terangkai dengan pelbagai ahli yang akan bekerjasama dan menyumbang sumber dan bahan yang sesuai dengan keperluan masyarakat untuk merealisasikan pembentuk sebuah k-ekonomi bagi peringkat negeri.



Senario Penerbitan Elektronik dan Pengalaman Universiti Sains Malaysia

Oleh Norazam Ariffin

Penerbit USM telah melalui satu sejarah yang agak panjang sebagai sebuah pusat penerbitan bahan akademik yang menyokong pengajaran dan pembelajaran di Universiti ini. Dalam menongkah arus cabaran dalam penerbitan, PUSM tidak boleh lari daripada menerima perubahan dalam penerbitan mereka. Kalau dahulu bermula dengan penerbitan secara cetakan, kini PUSM berdepan dengan cara baru, iaitu penerbitan secara elektronik. Artikel ini mengupas senario yang sedang dialami oleh PUSM dalam menghadapi cabaran baru ini. - Pengarang

[Rencana ini ditulis oleh Norazam Ariffin, Pegawai Penerbitan yang telah berkhidmat hampir 14 tahun di USM. Beliau yang telah mencebur selama 9 tahun dalam projek penerbitan elektronik. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang editorial, teknologi maklumat, pembangunan aplikasi web yang menggunakan teknologi web terkini termasuk ASP, ASP.NET, PHP, MYSQL, JSP dan IBM Lotus Domino. Beliau sentiasa mengikuti perkembangan teknologi internet, komunikasi media, penerbitan web. Beliau juga terlibat membangunkan lebih sepuluh tapak web utama dan beberapa buah projek penerbitan elektronik di USM termasuk portal e-learning. Beliau juga bertanggungjawab mencipta dan mempelopori kewujudan laman portal popular bahasa Melayu, iaitu Jejak Malaysia - Direktori web bahasa Melayu terbesar di Malaysia. Beliau boleh dihubungi di norazam@notes.usm.my]

Pengenalan

Penerbitan Elektronik atau Penerbitan Digital merupakan satu aspek yang kini banyak diperkatakan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi hari ini telah memperlihatkan satu bentuk baru dalam penyampaian, pengajihan, dan penerbitan maklumat. Peredaran maklumat perdagangan, pendidikan, hiburan, permainan, dan pengetahuan yang tanpa batas sempadan. Bentuk penerbitan elektronik yang dapat dilihat pada hari ini termasuklah akhbar elektronik, majalah elektronik, jurnal elektronik, buku elektronik dan sebagainya. Capaian kepada maklumat daripada internet pada hari ini tidak terhad melalui komputer dan set televisyen sahaja, tetapi kini merangkumi peti sejuk, mesin basuh, ketuhar mikro, malahan alat peranti di dalam kereta serta peranti terkini seperti *Personal Digital Assistant* (PDA) dan telefon bimbit yang menggunakan teknologi *Wireless Application Protocol* (WAP). Penerbitan elektronik dalam konteks perbincangan penulisan ini dimulakan dengan memperkatakan perkembangan penerbitan elektronik pada hari ini, disusuli dengan melihat

gambaran umum tentang perkembangan di peringkat global dan di Malaysia. Seterusnya penulisan ini akan menumpukan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai, usaha yang sedang dibuat serta perancangan yang diambil oleh Universiti Sains Malaysia khususnya dalam penerbitan elektronik dalam menyokong usaha dan komitmen universiti menerajui kecemerlangan dalam pengajaran-pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan sebagainya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Senario Global

Sejak internet diperkenalkan, banyak industri percetakan, penerbitan, hiburan dan komunikasi membangunkan tapak web masing-masing dan berlumba-lumba mewujudkan maklumat syarikat dalam versi elektronik. Industri automobil misalnya menyediakan katalog elektronik produk terbaru mereka termasuk mengadaptasikan teknologi realiti maya ke dalam laman web.

Industri hiburan menyajikan pelbagai teknologi multimedia baru

kepada kita. Lelaman web seperti Warner.com, Sony.com dan Disney.com bukan sahaja menarik dan interaktif tetapi menghiburkan. Bagi mereka yang berminat dengan sumber maklumat seantero dunia, lelaman seperti National Geographic, Discovery Channel, CNN, ABCNews dan Fortune 500 menawarkan pelbagai maklumat berkenaan yang diingini.

Daripada akhbar ke majalah, pasaran saham ke dunia perniagaan, resepi, katalog barangan, produk pertanian, tip kesihatan, VCD, DVD, hingga ke kamus popular Merriam-Webster OnLine, Ensiklopedia Encarta dan Britanica, gedung buku Amazon, dan sebagainya adalah contoh biasa bagaimana maklumat disebarkan secara elektronik dalam laman web.

Jika dibandingkan industri penerbitan elektronik ini di luar negara, bolehlah kita simpulkan bahawa mereka sangat jauh ke hadapan. Dalam industri penerbitan elektronik misalnya penerbitan jurnal dan buku elektronik, sistem pangkalan data berasaskan web digunakan. Pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu sama ada

untuk melayari atau melanggan perkhidmatan yang disediakan. Statistik dan trend pembacaan pengguna direkod untuk mengetahui sambutan pembaca dan tujuan pengiklanan. Antara contoh tapak web yang mengimplementasikan kaedah ini ialah Netlibrary.com (<http://www.netlibrary.com/>) yang mempunyai bilik bacaan percuma secara maya. Bilik bacaan maya merupakan satu konsep pembacaan daripada sumber elektronik yang biasanya diberikan percuma untuk pengunjung laman web. Oxford University Press (<http://www.oup.co.uk/readingroom/>) turut menyediakan laman web yang mempunyai bilik bacaan penerbitan elektronik yang memuatkan maklumat dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk undang-undang dan kemanusiaan dalam format pdf. Format pdf merupakan satu teknologi penerbitan ciptaan syarikat Adobe Inc. untuk penyimpanan dan penciptaan dokumentasi elektronik yang cukup luas digunakan pada hari ini. Manakala Reading Room - University of Maryland pula menyediakan arkib untuk koleksi teks elektronik dalam talian - yang terdiri daripada fiksiyen, drama, sajak dan sebagainya. Laman ini dapat dicapai melalui <http://www.inform.umd.edu/EdRes/ReadingRoom/>

Beberapa contoh popular penerbitan elektronik termasuk juga penulis terkenal Stephen King yang disediakan dalam format e-buku. Untuk membaca buku elektronik ini memerlukan perisian *Rocket eBook reader*, iaitu sebuah *Portable Readers*. Maklumat lanjut contoh buku elektronik ini boleh dicapai melalui laman web http://www.powells.com/rocket/rocket_king.htm.

Berdasarkan kepesatan teknologi penerbitan elektronik, penciptaan dan penyediaan penerbitan elektronik turut berkembang. Selain teknologi Sun Inc. melalui pengguna Bean Applet, Microsoft melalui portable reader e-Book, terdapat juga perisian untuk membina buku elektronik secara percuma, iaitu Activ E-Book Compiler

yang boleh dibeban turun ke bawah melalui laman web yang beralamat di <http://www.ebookcompiler.com>. Jika dilihat dari sudut teknologi maklumat dan komunikasi, pelbagai kaedah penerbitan elektronik wujud pada hari ini. Tetapi kaedah yang paling popular ialah menerusi rangkaian internet atau *world wide web*. Antara standard penerbitan elektronik yang paling banyak dan paling popular digunakan pada hari ini dalam penghasilan buku/jurnal elektronik, akhbar elektronik, laporan elektronik dan sebagainya ialah dalam format Bahasa Penanda Hiperteks (*hypertext markup language*), *portable document format* (pdf), dan *extensible markup language* (XML). Walaupun terdapat penyelesaian-penyelesaian lain sama ada mengikut standard dan spesifikasi pemain-pemain industri perisian dan gergasi syarikat IT, namun penulisan ini akan lebih memfokuskan tentang teknologi yang disebutkan di atas.

Senario di Malaysia

Secara umum, penerbitan elektronik masih baru di Malaysia. Andaian ini berasaskan bahawa pemain dalam industri percetakan dan elektronik hanya terlibat cergas 7-8 tahun yang lalu, bermula pada sekitar tahun 1996. Sektor yang paling ketara dalam merealisasikan bentuk penyampaian maklumat secara digital di Malaysia ialah syarikat-syarikat akhbar yang menghasilkan Utusan Online, Berita Harian Online, NSTP e-Media, Bernama Online dan TheStar Online. Selain akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris terdapat juga akhbar-akhbar lain yang berbahasa Cina dan Tamil turut serta membuat versi elektronik. Kemudian, beberapa akhbar elektronik baru lain muncul, antaranya MalaysiaKini.com, HarakahDaily.net dan portal Catcha.com dan lain-lain.

Pembabitan syarikat korporat secara langsung dalam penerbitan elektronik tidaklah begitu meluas. Walau bagaimanapun beberapa penerbitan elektronik seperti laporan tahunan, profil syarikat, laporan kewangan di mana bentuk naskhah

asalnya dalam bentuk kertas, kini telah dimasukkan ke dalam bentuk digital atau elektronik. Lelaman web beberapa syarikat korporat besar misalnya Renong Bhd., MIMOS Bhd., SIRIM Bhd., Malaysia Airlines Bhd., Petronas, Tenaga Nasional Bhd, dan Telekom Bhd. telah berbuat demikian.

Terdapat sebilangan institusi di Malaysia juga turut bergerak membangunkan penerbitan elektronik seiring dengan kepesatan teknologi maklumat. Beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam turut terlibat. Selain Universiti Sains Malaysia (USM), projek penerbitan elektronik juga diterokai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), serta Universiti Malaya (UM). Mereka juga sejak tahun 1988 telah memajukan projek e-buku. Kini sejumlah 15 judul buku elektronik telah dibangunkan dengan menggunakan format pdf. (<http://www.penerbit.ukm.my/e-book.html>). Langkah yang diambil oleh penerbit IPTA ini adalah sangat wajar memandangkan peri pentingnya keperluan penyebaran maklumat khususnya dalam bahasa Melayu.

Di UUM, projek e-jurnal telah bermula pada tahun 1999. Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) telah membangunkan sistem jurnal dalam talian untuk jurnal MJCS (*Malaysian Journal of Computer Science*) dan jurnal MJLIS (*Malaysian Journal of Library and Information Science*). Inisiatif ini merupakan satu contoh di mana sistem pengurusan e-jurnal yang berjaya di Malaysia dan usaha ini terus berkembang.

Di Universiti Utara Malaysia (UUM), perpustakaan telah mewujudkan sebuah projek digelar Sistem Imej dan Pengurusan Dokumen serta Koleksi Keratan Akhbar dan Tesis untuk kegunaan pelajar, pensyarah dan penyelidik. Walaupun ia bukan satu bentuk penerbitan elektronik seperti yang biasa kita fahami, namun kaedah pendigitalan bahan-bahan dari

... bersambung di muka surat 22

APA KHABAR ASTAKA Oleh Hj Mohd Shamsuri Hj Jusoh Presiden ASTAKA

Assalamualaikum dan Salam
Sejahtera

Rakan-rakan yang dikasihi sekalian. "Bersatu Mengeratkan Silaturrahim" adalah moto mesra yang dipegang oleh kepimpinan ASTAKA dan sehingga kini telah berjaya mengukuhkan semangat kekeluargaan di kalangan staf perpustakaan.

ASTAKA sebagai sebuah forum bagi staf Perpustakaan menggerakkan aktiviti dalam bidang kebajikan, sosial dan sukan. Meskipun kepimpinannya silih berganti namun keutuhannya tetap terpelihara. Secara automatik semua staf Perpustakaan Universiti Sains Malaysia adalah ahli ASTAKA. Pada awal tahun 2004 Perpustakaan Kampus Cawangan Kejuruteraan telah menarik diri dan menubuhkan badannya sendiri.

Pusat Penerbit turut memohon berpisah dengan ASTAKA berikutan ia tidak lagi terikat dengan Perpustakaan. Hal yang sama juga terjadi kepada Bengkel Jilid apabila ianya diambil alih oleh pihak Usains Holdings. Namun beberapa stafnya masih ingin kekal menjadi ahli ASTAKA secara sukarela. Kepada mereka ASTAKA mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya.

Sejajar dengan keputusan Mesyuarat Agung ASTAKA Dwi Tahunan ke-20nya, pindaan kadar yuran keahlian ASTAKA telah dibuat. Yuran staf setahun ini bagi Kumpulan A/S48 ke atas dikenakan sebanyak RM5.00, Kumpulan A/S41 sebanyak RM3.00, Kumpulan C, RM2.00 dan Kumpulan D, RM1.00.

Pelbagai aktiviti telah, sedang dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa melalui biro-biro yang telah ditubuhkan. Kerjasama dan sokongan daripada pihak pengurusan amat disanjung tinggi. Terima kasih kerana sokongan dan penyertaan segenap lapisan staf, lantaran itu ASTAKA semakin teguh.



Berikut adalah laporan ringkas aktiviti Biro-Biro Kebajikan, Sukan, Sosial dan Wanita.

Fungsi Biro Kebajikan:-

- Menguruskan rombongan ziarah mayat staf dan keluarga staf
- Menyelaraskan kutipan derma
- Menguruskan majlis keraian staf baru, yang bertukar atau bersara
- Menganjurkan majlis tazkirah
- Menyokong Projek Derma Buku Desasiswa Aman Damai
- Mengeluarkan sumbangan hadiah Ucapan Tahniah kepada staf yang mendapat cahaya mata pertama
- Mengendalikan Majlis Sambutan Aidil Fitri Terbuka – julung kali di laman Perpustakaan
- Menganjur dan mempromosikan Majlis Taklimat Takaful Khairat
- Menganjurkan Majlis Tahlil dan Doa serta Kenduri pada 25.10.2003 dan 08.10.2004
- Mendokong Projek Gotong-Royong membersihkan kawasan bangunan Perpustakaan.

Fungsi Biro Sukan

- Menganjurkan Kejohanan Tertutup Bergu Lelaki dan Wanita ASTAKA 2003
- Menyertai Kejohanan Bola jaring Antarabangsa USM 2003
- Menyertai Kejohanan Sepak takraw MAKSAP Pulau Pinang 2003/04 - Johan
- Menyertai Kejohanan Sepak takraw Terbuka Wilayah 2004 - Johan dan Naib Johan
- Menyertai Kejohanan Sepak takraw Piala Pendaftar 2003/04- Johan dan Naib Johan
- Promosi Sepak takraw ke Brazil 2003



- Wakil Sekretariat Kejohanan Sepak takraw Dunia 2004
- Menganjur Majlis Sekalung Budi merai peserta –peserta kejohanan yang dimenangi
- Menyertai Pertandingan Bowling Piala Kenangan Allahyarham Ahyaudin Ali
- Mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak dan bola jaring dengan Rombongan Lawatan Staf Perpustakaan UIAM 2004.
- Mengadakan Perlawanan Persahabatan Badminton dan Futsal dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang 2004.

Fungsi Biro Sosial


- Menganjurkan Perkelahan Hari Keluarga di Arus Deras Kulim Kedah pada 5.4.03
- Mempersembahkan acara Majlis Sambutan Merdeka Peringkat Perpustakaan dan USM 2003 dan 2004
- Menerima lawatan rombongan staf UKM
- Menerima Iwatan dan kunjungan staf UIA
- Menganjur Iwatan ke Padang Besar
- Menganjurkan Majlis Makan Malam ASTAKA 2004, tajaan Presiden
- Menganjurkan lawatan ke Tangkak
- Menganjurkan lawatan snorkeling ke Pulau Payar - tangguh cuaca buruk
- Merancang lawatan ke luar negara

Fungsi Biro Wanita

- Menyertai kejohanan bola jaring
- Merancang kelas AKIDO
- Menganjur kelas bowling

Jawatankuasa ASTAKA 2003/2005

- Penasihat: Y.Bhg. Datin Hajah Masrah Binti Haji Abidin – Pemangku Ketua Pustakawan
 Presiden: Mohd Hj Shamsuri Hj Jusoh
 Timbalan President : Mohd Idris Syed Sulaiman
 Setiausaha: Mohd Hasril Fadzli Hassan
 Penolong Setiausaha: Che Om Mohd Noor
 Bendahari: Abdul Bashir Abdullah
 Setiausaha Kebajikan: Ku Azan Ku Ibrahim
 Setiausaha Sukan: Zamberi Hassan
 Penolong Setiausaha Sukan: Nor Azman Vijay Abdullah
 Setiausaha Sosial: Ariffin Aziz
 Penolong Setiausaha Sosial: Azizan Md Zain
 Wakil Kakitangan Ikhtisas: Radia Banu Jan Mohd
 Wakil Pembantu Tadbir / Jurutetrekas: Nor Adzam Baba
 Wakil Penjilid/Juru Foto/ Juru Teknik: Yashmah Mohd Noor
 Wakil Pembantu Tadbir Rendah / Operator Prosesan Data/Operator Teleks: Mariah Yusof
 Wakil Pembantu Am Rendah/Pekerja Am: Che Mat Bin Shuid
 Juru Odit: Hashim Bin Hassan dan Quah Kung Hai



YANG BERSARA

Perpustakaan kehilangan beberapa staf yang telah bersara wajib dan secara pilihan tahun ini. Mereka ini telah memberi banyak sumbangan, tenaga dan buah fikiran untuk meningkatkan perkhidmatan yang cemerlang di Perpustakaan. Sehingga kini mereka yang bersara adalah seperti berikut:

- Puan Fatimah Bibi Nor Ahmad - Pekerja Rendah Awam.
- Encik Abu Othman - Penjilid Buku.
- Encik Szali Ariffin - Penjilid Buku.
- Encik Kobal a/I Veeran - Ahli Fotografi.
- Cik Yvonne Rosemary Rasen - Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
- Che Puteh Che Rose - Pembantu Tadbir Rendah
- Noor Ida Yang Rashdi - Ketua Pustakawan.



Selepas 35 tahun penubuhan USM, Perpustakaan menongkah arus pembangunan yang pesat untuk membentuk sebuah organisasi yang sentiasa tepat pada masa dan sesuai dengan kehendak perkembangan pembelajaran dan penyelidikan Universiti. Arkitek kepada pencapaian ini ialah penerajunya, Ketua Pustakawan. Dalam lebih tiga dekad itu, Perpustakaan telah dengan berjaya diterajui oleh 4 orang Ketua Pustakawan. Keempat-empat mereka ini telah berjaya memimpin Perpustakaan USM pada zamannya, penempuh pelbagai onak dan duri dalam pentadbiran tidak kurang juga menempa nama dan meletakkan nama Perpustakaan sebagai sebuah pusat yang penting di Universiti ini. Sebagai menghormati jasa dan mengenang bakti mereka, JENDELA pada kali ini menurunkan secara ringkas biodata keempat-empat pustakawan tersebut. Semoga nama mereka akan terus menjadi sebutan, jasa bakti mereka dikenang dan terus berdiri bersama seteguh berkembangnya Perpustakaan Hamzah Sendut merempuh zaman - Editor

**KETUA PUSTAKAWAN USM
- ENCIK LIM HUCK TEE (1969-1988)**



Lim Huck Tee adalah Ketua Pustakawan pertama USM. Sejak USM ditubuhkan pada tahun 1969. Beliau adalah perintis memulakan sebuah perpustakaan akademik kedua negara. Beliau lebih diingati sebagai pelopor memperkenalkan sistem pengkomputeran untuk Perpustakaan USM yang sebelum ini mengguna kaedah tradisional. Seajar dengan perkembangan sains dan teknologi, Perpustakaan USM akhirnya menjadi perpustakaan akademik pertama mengkomputerkan banyak transaksi perkhidmatannya. Malahan amalan itu diikuti oleh Perpustakaan-perpustakaan lain. Lim dengan gaya kepimpinannya telah menempatkan Perpustakaan USM sebagai salah sebuah Perpustakaan akademik yang terulung di negara. Lim berpegang kepada prinsip bahawa "Sesebuah perpustakaan akademik itu mesti memenuhi keperluan universiti dan komuniti di sekitarnya" Beliau juga banyak menyumbang kepada perkembangan universiti seperti menderaf pembentukan program Pra Universiti, Pusat Pengajian Sains Gunaan, Penerbit USM, Kedai Kooperatif dan Muzium dan Galeri USM. Selain itu beliau juga aktif dengan penglibatan luar seperti menjadi Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia dan Ahli Lembaga

Sidang Pengarang kepada International Federation of Library Association (IFLA). Selain itu beliau juga banyak membentang laporan dan kertas kerja di peringkat antarabangsa. Beliau memegang jawatan Ketua Pustakawan selama 18 tahun dari 1969 hingga 1987.

KETUA PUSTAKAWAN KEDUA - ENCIK LIM CHEE HONG (1990-1994)



Lim Chee Hong mula berkhidmat di USM pada tahun 1971 dan mewarisi pentadbiran Ketua Pustakawan sebelumnya. Beliau bersama-sama pustakawan-pustakawan seangkatannya telah membangunkan Perpustakaan USM. Perpustakaan USM yang bermula daripada sebuah ruang ehsan daripada Maktab Perguruan Persekutuan, Gelugor, kemudian itu beralih ke Bangunan Muzium dan Galeri USM dan akhirnya ke bangunan kekal, Blok G02 yang diberi nama Perpustakaan Utama I USM pada tahun 1979. Semasa perkhidmatannya, beliau telah bertanggungjawab antara lainnya memulakan Sistem Berkomputer MALMARC secara pemprosesan kelompok. Projek itu melibatkan Perpustakaan Negara dan Perpustakaan-Perpustakaan Universiti lain. Selain itu

dengan perkembangan USM, yang memerlukan bangunan tambahan, beliau telah mereka bentuk Perpustakaan Utama II. Falsafah Lim terhadap Perpustakaan itu ialah " **staf perpustakaan itu harus profesional dan selalu berkhidmat untuk pelanggan**" Beliau terkenal dengan mengaplikasi perisian CDS/ISIS UNESCO kepada rangkaian sistem dalam talian Perpustakaan USM. Beliau bersara pada tahun 1994 setelah menjadi Ketua Pustakawan selama 4 tahun.

**KETUA PUSTAKAWAN KETIGA
- PUAN RASHIDAH BEGUM BINTI FAZAL MOHAMED (1995-2002)**



Rashidah Begum Binti Fazal Mohamed merupakan Ketua Pustakawan ke-3 USM. Mula bertugas pada tahun 1973 sebagai Pegawai Tadbir. Pada tahun 1995 di lantik menjadi Ketua Pustakawan. Beliau menghabiskan hampir 30 tahun bertugas di Perpustakaan USM. Beliau meneruskan kesinambungan kepimpinan Perpustakaan USM sebelum ini dan berjaya membawa sijil pengiktirafan ISO 9002 kepada Perpustakaan Induk yang dikurniakan oleh SIRIM pada tahun 2001. Sistem Perpustakaan dalam komputer pertama **Dobis Libis (Jerman)** pada tahun 1987 telah digantikan dengan sistem **Phoenix (Perancis)** pada tahun 1997. Semasa beliau mentadbir sebagai Ketua Pustakawan, Perpustakaan USM telah menangani dengan jayanya cabaran dunia maklumat ilmiah, terutama dalam bentuk digital, yang semakin luas dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang begitu pesat dan canggih. Di samping membuat kerja hakiki, beliau sempat mencebur diri dalam kerja-kerja di luar Perpustakaan seperti menjadi Pengerusi

kepada badan antarabangsa International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA), Bahagian Rantau Asia Oceania pada tahun 2001, Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia (1999-2001) dan beberapa persatuan wanita di USM. Beliau menjadi Ketua Pustakawan selama 7 tahun.

**KETUA PUSTAKAWAN KEEMPAT
- NOOR IDA DATO' YANG RASHDI (2002-2004)**



Noor Ida Yang Rashdi mula berkhidmat dengan USM pada tahun 1974 sebagai Pegawai Tadbir. Beliau mewarisi kepimpinan tiga mantan Ketua Pustakawan. Pada tahun 2002 di lantik menerajui Perpustakaan USM. Pada ketika itu sistem Perpustakaan USM telah mempunyai enam rangkaian Perpustakaan selain daripada Perpustakaan Induk. Beliau mengambil inisiatif mempertahankan

sistem kualiti di Perpustakaan dengan meraih lagi Sijil ISO 9001:2000 pada tahun 2003, bukan sahaja untuk Perpustakaan Induk tetapi untuk dua Perpustakaan Cawangan, iaitu Perpustakaan Kejuruteraan di Seri Ampangan dan Perpustakaan Kesihatan di Kubang Kerian. Beliau juga menaikkan sistem komputer Perpustakaan dengan menggantikan sistem **Phoenix** kepada sistem **Ilmu Perdana** pada tahun 2004. Beliau pernah dikurniakan Anugerah Penghargaan Universiti (1993), Anugerah Khidmat Cemerlang (1997) dan Pingat Jasa Kebaktian (1994), Pulau Pinang. Di luar USM, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang. Kesemuanya, beliau berkhidmat dan mentadbir selama 30 tahun di USM dan selama dua tahun sebagai Ketua Pustakawan.

MESSAGE FROM THE FIRST CHIEF LIBRARIAN OF USM

Mr. Edward Lim Huck Tee, the first Universiti Sains Malaysia's Chief Librarian was in Penang last August 2004. He was kind enough to grant an interview with the library for the USM's Eternal Memory Project. He had some challenging and interesting messages to the library which JENDELA has the pleasure to share with its readers.

USM Library has always been renowned for its innovation. After all, it was the first library in Malaysia to introduce automation for its library operations, and was the lead institution in the MALMARC project to create a national bibliographic database of the holdings of all the university libraries and the National Library of Malaysia.

Today, the Internet represents the greatest threat to the existence of academic libraries. Studies in the UK and elsewhere have shown that undergraduates, in particular, tend to search for information using Google and other Internet search engines rather than the university library's Online Catalogue (OPAC). This is unfortunate since the Internet provides access to a lot of information that is of low quality and not highly accurate, while the accredited and quality published information both in print and electronic provided by the library is ignored by the people who need it most – the staff and students of the university.

To meet this challenge, USM Library must be re-invented. There are two immediate steps that can be taken by the Library. Firstly, re-model the

library buildings to make them become the centres of teaching and learning in the university. This will include providing facilities within the libraries that will facilitate teaching and learning. For instance, consideration should be given towards the provision of seminar rooms for face-to-face tutorials, attractive coffee lounges for students to relax in and for group discussion purposes, and "Information Commons" which provide access to computers, printers, telephones, electronic whiteboards, fax machines, and desk-top video conferencing equipment. In this way, student-centred learning can be encouraged. At the same time students can interact virtually with their lecturers using the Internet or desktop video conferencing facilities. Secondly, the Library should consider creating a portal so that all its

analogue and digital resources can be accessed by students and staff from a single point. The provision of personalised access to resources and federated searching in the portal will ensure that users will be able to access resources which are relevant to their teaching, learning and research. An additional bonus is that they will also have access to the portal search engine that mimics Internet search engines.

I am confident that the current library leadership will ensure that the Library continues to evolve and to re-invent itself so that it will continue to be relevant in the Internet Age.

TOO MUCH INFORMATION

By Nathan Cochrane

This story was found at: <http://www.smh.com.au/articles/2003/11/10/1068329472603.html>

Despite having more information at our fingertips than any generation before, there is little evidence that our ability to make good, timely decisions has improved. A musician is not someone with an instrument and a songbook. Similarly, to be "information literate" - able to extract knowledge from the welter of choice - we need to know how to orchestrate the technologies and "listen" for the results. As a society we are computer and internet literate yet information literacy lags. We have computer hardware and software but often ignore "wetware" - the first, most important, cog in the information seeking machine is ourselves.

Information literacy is viewed as a "prerequisite for participating effectively in the information society", according to the United Nations' Prague Declaration issued at the end of September. It is essential in reducing inequities, promoting tolerance and closing the digital divide, said the experts from 23 countries, including Australia, in a joint statement following talks in the Czech Republic. They suggested that information literacy should be given the same standing as the "Three-Rs".

The task to improve our awareness of information literacy was summed up by Baroness Susan Greenfield, professor at Oxford University's department of pharmacology and director of the Royal Institution, during a visit to Australia in September.

"One has to draw the distinction between knowledge and information," Greenfield told the ABC's Hamish Robertson. "We are in a time when people can sit in front of the screen and get bombarded with facts and sometimes that's confused for education. But I think that what we owe it to our young people to do is to help them ask questions."

Greenfield believes society is becoming "answer-rich but question-poor". Rather than being forced to learn things by rote, "by burdening our memories, because the cyber-world is doing this for us", we can now concentrate on "asking the right questions ... have a sense of values, develop a morality, develop novel ideas, and that can be done, I think, by giving people a framework."

"It's not so much giving people fact after fact after fact, because they can Google on their computers and do that anyway."

Australia is among a handful of countries, including the United States, that has a national standard for information

literacy, through our national library and information association.

"Fluency with information technology requires more intellectual abilities than the rote learning of software and hardware associated with computer literacy," the standard says, in agreement with Greenfield. "Information literacy is an intellectual framework .. which may be supported in part by fluency with information technology (and) sound investigative methods but most importantly through critical discernment and reasoning."

Ralph Catts, a University of New England researcher in the field of adult education who helped to formulate Australia's information literacy standard, says generic skills such as critical thinking and communication will grow in importance to employers.

"As adults are called on more and more to continue to learn, the ability to transfer prior knowledge to new situations becomes more important," Catts says.

"We need to learn more about how people learn to use information in an effective and efficient manner. Information is all about us but to use it effectively we need skills not just to find it but to evaluate it."

Catts says literacy in the information arts is a practical matter and, for instance, can help us avoid being scammed online. The "Nigerian email" and "banking passwords" scams could be neutralised if people were critical of communications they received from scammers masquerading as trusted acquaintances.

He says people need to check for authenticity, currency and reliability. "Unless they are aware of the need to check for a second source of information before it can be considered to be reliable, they get caught."

A British researcher and co-maintainer of the Information Literacy Weblog, Sheila Webber, says governments have paid a lot of attention to plugging the connections, "but there's the idea that once you've got an internet connection into each school and public library, that'll see us right for the 21st century".

"This ignores the fact that it's what you do with the technology that's important."

Webber says the "Iraq Dossier" - claims by Western leaders about Iraq's security forces, in part plagiarised from a student's thesis - was a classic case of governments

underestimating the importance of information literacy, to their embarrassment.

"(Was) the Government hoping its citizens weren't information literate - that they wouldn't have the ability to question what they were told or check things up?" asks Webber, a lecturer in information studies at the University of Sheffield.

"It reminded me a bit of students who've pulled stuff straight off the internet and then seem amazed that I'm able to spot what they've copied."

She says information literacy training helps students avoid such arrant plagiarism because it gives them the framework to better frame their searches, select what's relevant, and then convey the results in their own words, giving credit where it is due.

Information illiterate doctors are "literally a disaster area" because health is "a matter of life and death", Webber says, and quality health care relies on stores of reliable information.

Owners of small businesses are most at risk of neglecting information literacy because they have to do several jobs simultaneously and often don't have adequate training.

"Sometimes they fall at the first fence," Webber says, "they don't even realise that information could help them with their business problem."

Once we understand how our personality shapes our approach to information seeking, we may become our own best Google, according to research from Finland. Even before we fire up the PC or connect to the net, our search is dramatically narrowed, depending on whether we are hasty, outgoing, or conscientious.

In her study last year, *Fast Surfers, Broad Scanners and Deep Diver*, on how personality affects our ability to find and absorb information, information literacy researcher Jannica Heinström found that "personality and approach to studying influence (our) information-seeking habits".

Heinström splits her study of 305 Masters-level students into three broad camps, based on their approach to seeking information in their studies. She finds the neurotic, easily distracted and lazy "Fast Surfers" have difficulty formulating searches and then interpreting what they find. "Deep Divers" are identified by their willingness to consider viewpoints and link ideas. Strategic thinkers, or "Broad Scanners", are conscientious and have clear goals. The last two categories are highly motivated, Heinström says, and often able to find the information they seek, although for different reasons.

Our choice of profession also reflects this personality matrix. Engineers, for instance, rely on solving a problem and not

necessarily knowing why it has been solved. "Informal information sources seem to be particularly crucial ... and one of the success factors of high performers," Heinström notes.

Scientists, although they have ready access to the net and use email extensively, are more influenced by colleagues' physical proximity. And whereas engineers use books in only 11 per cent of cases, scientists are more likely to rely on them, at least in the early phases of research. Business people are more likely to be extroverted and rely on social interaction than those attracted to the abstract thinking orbits of universities.

"The way in which information is sought, the desired depth in information content and problems with information seeking can be related to personality," Heinström says. "Use of information sources could more strongly be related to discipline."

Also, unless there is a physical change in a researcher's brain or a conscious act of will to seek out new approaches to learning, "personality (will) create boundaries and unique possibilities for the way information seeking is executed," she concludes.

The spread of unfiltered information through a variety of media, both online and offline, raises questions about "authenticity, validity and reliability", notes Australia's national information literacy standard. The payoff for unfettered access to a wealth of information from sources as diverse as traditional print and broadcast media (newspapers, magazines, television and radio), and new sources such as online discussion groups, databases and even blogs, is that we must be more critical. Yet the focus of policy is still all too often on energising the hardware and software and not on developing the users of the technology to formulate strategies and repeatedly interpret their results.

The Australian information literacy standard goes beyond simple search strategies and anticipates the intellectual property wars of the peer-to-peer generation, emphasising that information has a cost and confers benefits to the recipient.

The information-literate seeker "understands cultural, ethical, legal and socioeconomic issues surrounding" IT and "follows laws, regulations, institutional policies and etiquette related to the access and use of information resources".

This includes obtaining, storing and using multimedia legally and avoiding plagiarism.

Importantly, the information-literate seeker reconciles conflicts between what they find and what they know, rejecting or incorporating new information and experience as appropriate to form their own view or to create "knowledge".

Perth-based professional information seeker David Novak maintains an FAQ on information seeking. He says searching is a simple matter of knowing the question, selecting a format - either online or offline - and then using the best search tool. "Searching is simple," Novak notes in his SpireProject FAQ. "It starts with a question. It ends with an answer. Everything else is searching."

The concept of searching is simple but the practice is difficult, precise work, he says. The huge number of possible resources is constrained by a seeker's knowledge of their existence, accessibility, affordability and time.

This last factor is most evident in Heinstrom's work, in which she notes that time often separates the broad scanner, with their effective time management strategies, from the apathetic fast surfer.

Countries across the world have elevated information literacy to the realm of basic human rights. In September, 23 nations, including Australia, participated in an information literacy conference organised by the United Nations in the Czech Republic. The resulting document, Towards an Information-Literate Society, also known as the Prague Declaration, sets out a common objective for promoting the cause of information literacy.

Dr Patricia Breivik, San Jose State University library dean and chairwoman of the 70-organisation member group the US National Forum on Information Literacy, says societal advancement will be retarded without attention to how citizens harness the information thrust before them.

"Increasingly across the world, people in the trenches know that, in an information age, advancements in economic

development, learning, health and quality of life are dependent upon an information policy that includes three components," Breivik (pictured) says, "access, contents and people empowerment."

"Unfortunately, across the world policy makers are still focused on the technology, or access, as an end in itself."

Breivik says the often-repeated "Digital Divide" is not the issue; we suffer an "information divide". In one case, she says, participants in a developing nation that did not have access to digital technology or the internet were still able to learn information literacy skills, highlighting how strategies evolve according to local needs and customs. "And, though manifested differently among developing and developed populations, it is of crucial concern to all."

But IT still has a beneficial role to play, she says, improving access to information and highlighting the need for information literacy.

However, IT also risks drowning people in information and making it more difficult to sort the wheat from the chaff.

"People believe everything they find online," Breivik says. "Much-needed information - especially for economically disadvantaged, rural and non-English-speaking people - is not available electronically, and these lacks are usually overlooked or are not pursued because of economics."

"Information technology is so attractive and so expensive that policy and budget makers seldom finance contents and people-empowerment needs when investing in technology."



PELUPUSAN FAIL DAN REKOD Oleh Mohd Idris Haji Ali

Jawatankuasa Pelupusan Fail dan Rekod telah menghantar senarai fail untuk dilupuskan kepada Pengarah Arkib Negara Malaysia, Cawangan Pulau Pinang pada 20 September 2004 yang lalu. Kini hanya menunggu lampu hijau sahaja untuk dilupuskan dengan secara rinci yang dijangka pada akhir November 2004 akan datang. Sebanyak 1376 fail akan dilupuskan jika mendapat kebenaran Arkib Negara Malaysia tersebut. Ini adalah merupakan kali pertama Perpustakaan melupuskan fail-failnya sejak USM ditubuhkan.

Projek pelupusan Rekod ini telah dimulakan pada akhir Oktober 2002 dengan perantikan Jawatankuasa Pengurusan Rekod dan Arkib yang dianggotai oleh;

Encik Ramli Abdul Samad (Pengerusi)
Encik Mohd Idris Hj Ali (Setiausaha)
Puan Habsah Abdul Rahman
Encik Adnan Hj Sharif (Perpustakaan
Kejuruteraan)
Puan Nik Asmak Nik Idris (Perpustakaan
Kesihatan)
Encik Mohd Nasir Abdul Rashid (Cuti belajar)

Tugas jawatankuasa ini ialah;

- Mengkaji kaedah pemisahan rekod dan mencadangkan dasar, garis panduan dan prosedur-prosedur berkaitan.
- Mencadangkan kaedah mengenalpasti, organisasi dan prosedur pemisahan rekod untuk fail-fail baru.



- Menyelaras kerja-kerja pelaksanaan pemisahan rekod dari masa ke semasa.
- Menyelaras rekod-rekod kualiti, dokumen rujukan (dalaman dan luaran) mengikut prosedur yang ditetapkan.

Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa taklimat dan penerangan mengenai pengurusan rekod dan pelupusan fail kepada semua staf Perpustakaan. Jawatankuasa ini juga telah berjaya menghasilkan Panduan Pengurusan Rekod untuk kegunaan dan panduan system fail di Perpustakaan.

Pelupusan ini sepatutnya dijalankan pada akhir Mei 2004 yang lalu tetapi disebabkan tugas-tugas harian dan latihan sistem SBSTP yang baru menyebabkan tindakan pelupusan ini lewat dari jadual yang dirancang.

Setelah mendapat kelulusan dari Arkib Negara nanti, Jawatankuasa bercadang untuk menjalankan pelupusan fail siri kedua memandangkan masih banyak fail-fail di Bahagian yang perlu dilupuskan.

SISTEM SARAN MALAYSIA: 8 Dianugerah Pergerakan Gaji Menegak

8 staf Perpustakaan Hamzah Sendut telah dianugerahkan pergerakan gaji menegak dibawah Sistem Saran Malaysia. Pergerakan ini adalah untuk kenaikan gaji pada tahun 2004. JENDELA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang berjaya dan diharapkan untuk terus bekerja kuat dan cemerlang demi memartabatkan nama Perpustakaan Hamzah Sendut. Mereka yang berjaya ialah, Encik Mohd. Idris Hj. Ali (Pustakawan S41), Encik Norazam Baba, Encik Mustafa Ismail, Encik Ahmad Nasruddin Ahmad, Encik Teh Tong Seng, Encik Noorazilan Nordin (semuanya Perkeranian & Operasi N17), Puan Mariah Yusoff (N11) dan Encik Noris Muniandy (Pembantu Am Rendah, N1). Kepada mereka semua JENDELA merakamkan ucapan tahniah, semoga mereka akan terus mengekalkan prestasi terbaik itu untuk tahun mendatang.

"If two people love each other, there can be no happy end to it." — Ernest Hemingway

naskah bercetak merupakan salah satu elemen penting yang mirip dalam proses penerbitan elektronik. Mungkin projek itu lebih merupakan satu sistem pangkalan data imej untuk keratan akhbar terpilih, dan sekiranya projek tersebut berjaya menggunakan teknologi internet dalam proses akses dan pengedaran sumber elektronik tersebut, ini sudah tentunya menyumbangkan kepada kejayaan yang kelak boleh dibanggakan. UUM juga telah mewujudkan penyelidikan dalam bidang penerbitan dan pemasaran kandungan elektronik (<http://www.e-infoc.uum.edu.my>)

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai sebuah agensi memartabatkan bahasa Melayu turut mencebur dalam usaha penerbitan elektronik. Terdapat beberapa tajuk majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka versi elektronik dapat dicapai melalui laman webnya, (<http://www.dbp.gov.my/>). DBP juga bekerjasama dengan dengan syarikat swasta dalam membangunkan Kamus Komputer Telapak Besta DBP-1. Ini merupakan satu bentuk aplikasi penerbitan elektronik walaupun ia tidak berasaskan web. Tidak lama lagi mungkin kamus yang sama dapat dicapai menerusi internet dan usaha ini selain membantu merencanakan lagi proses penerbitan dan penterjemahan dalam bentuk elektronik terutama buku-buku dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Perkembangan terkini dalam penerbitan elektronik di DBP ialah pelancaran portal karyanet (<http://karyanet.com.my>) yang membawa capaian dan peluang penerbitan secara elektronik di portal tersebut. Selain itu pengenalan perisian semakan istilah sains & teknologi dalam bentuk CD yang dihasilkan oleh DBP dan syarikat swasta telah membantu proses penerbitan buku ilmiah menjadi semakin mudah.

Perkembangan Penerbitan Elektronik di USM

Universiti Sains Malaysia

Salah satu usaha awal dalam yang dilaksanakan oleh USM selepas penyediaan prasarana USMNet pada tahun 1995 ialah mewujudkan laman web rasmi universiti (<http://www.usm.my/>) yang ditadbir dan diuruskan oleh Pusat Teknologi Maklumat USM (kini Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi, PPKT). Pengisian kandungan laman web ini termasuklah penyediaan kandungan Buletin *Perantara*, iaitu buletin rasmi universiti yang memuatkan perkembangan dan kemajuan dalam bidang penyelidikan, pengajaran, penerbitan, serta berita semasa. Versi elektronik buletin ini yang bermula pada tahun 1996 merupakan salah satu penerbitan awal bentuk penerbitan elektronik yang diusahakan dengan kerjasama Unit Perhubungan Awam USM dengan kerjasama Biro Combits. Selepas itu muncul penerbitan elektronik lain, iaitu buletin Penyelidikan (http://www.usm.my/usm/misc/buletin_r&d/index.html) yang mengkhusus tentang berita Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di USM. Pada tahun 2003 buletin baru versi elektronik (USM FRONTIERS) sebanyak 3 isu penerbitan telah dibangunkan. (<http://www.usm.my/r&d/>) Versi elektronik buletin Penyelidikan dan USM FRONTIERS, iaitu sebanyak 3 keluaran ini dibangunkan dengan bantuan teknikal staf Penerbit USM. Seterusnya, versi elektronik buletin yang dihasilkan termasuklah USM Link (lima keluaran sehingga kini) (<http://www.usm.my/usm/misc/usmlink/index1.html>).

Dengan sokongan dan komitmen berterusan yang diberi oleh Perpustakaan dan Penerbit USM, pelaksanaan penerbitan elektronik terus dipergiatkan. Prototaip versi elektronik untuk jurnal pula dibangunkan pada tahun 1998. Versi ini merupakan teks penuh jurnal

yang menggunakan format html dan disesuaikan untuk paparan web. Prototaip jurnal elektronik boleh dicapai melalui (<http://www.lib.usm.my/higher/index2.html>). Pada tahun 2004 sistem pengurusan jurnal yang lebih canggih dan terkini telah diusahakan oleh PPKT.

Penerbit USM

Penerbit USM (www.penerbit.usm.my) yang mula membangunkan prasarana penerbitan elektronik pada tahun 1996, merupakan salah sebuah jabatan yang terawal membangunkan prasarana sedemikian di USM. Dengan sokongan daripada Perpustakaan dan Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (dulunya Biro Combits) yang menyediakan kemudahan seperti pelayan, komputer serta latihan, banyak kejayaan telah dicapai khususnya dalam pembangunan laman web. Pencapaian Penerbit USM sehingga kini dalam penerbitan elektronik adalah seperti berikut:

1. 35 teks penuh Syarahan umum (yang terdiri daripada Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa dan Syarahan Umum pelantikan Profesor)
2. 30 buah buku elektronik (teks lengkap dan separa lengkap)
3. 1 buah buku panduan penulisan (Gaya Penerbit USM)

Perpustakaan USM

Perpustakaan (<http://www.lib.usm.my/>) sebagai sebuah pusat rujukan dan ilmu adalah tempat yang paling unggul untuk merealisasikan objektif penerbitan elektronik kerana di situlah terletaklah bahan rujukan, maklumat yang amat bernilai. Ia menjadi pusat sehati rujukan ilmu pengetahuan kerana bahan sumber maklumat disusun atur dengan sistematik, teratur, kemas kini dan disokong oleh staf profesional yang terlatih. Seperti yang dimaklumi, perpustakaan sering dikunjungi dan

perkhidmatannya digunakan oleh para pelajar, penyelidik, sarjana dan ilmuan dari dalam dan luar negara. Di situ juga kertas penyelidikan, kertas kerja, laporan teknikal, pangkalan data, CD-ROM, disertasi, kertas laporan penyelidikan, jurnal, prosiding, bibliografi menjadi bahan sasaran pencarian para cendekiawan, sarjana dan pelajar. Justeru, carian kerja-kerja pendokumentasian, pengkatalogan dan pendigitalan bahan harus bermula. Jika dilihat daripada sumber perolehan yang tidak terbatas maka tidak hairanlah semua perpustakaan di seluruh dunia berusaha membina koleksi bahan rujukan yang terbaik, terbesar dan kemas kini termasuk dalam format digital/elektronik.

Perpustakaan USM berusaha membawa dirinya ke alam digital. Ini dilakukan menerusi sebuah projek yang dilancarkan pada 1995 yang dikenali sebagai Perpustakaan Maya USM. Usaha ini terus diperhebatkan sehingga kini dengan melaksanakan fasa-fasanya yang telah dirancang. Antara kejayaan yang dapat dilihat ialah penghasilan dokumentasi elektronik untuk semua soalan peperiksaan dari lebih 20 pusat pengajian di kampus induk. Dengan penghasilan lebih 200 set soalan peperiksaan yang diimbangi penuh serta lebih 100 abstrak tesis yang dibangunkan menggunakan pangkalan data web dalam talian, ini merupakan satu kejayaan yang besar jika diukur dari segi keterbatasan kewangan dan prasarana pada awal pelaksanaannya. Pangkalan Data Katalog Kumulatif Penerbitan Kakitangan USM juga dibangunkan selain Bibliografi Malaysia dan pangkalan data MIDAS yang dikhususkan untuk sektor perindustrian, pembuatan, dan perkilangan khususnya di kawasan utara. Selain itu pada tahun 2002, Perpustakaan telah membangunkan Dokumentasi ISO secara elektronik sepenuhnya yang pertama di Malaysia.

Dengan sokongan dan komitmen berterusan oleh pihak pengurusan tertinggi Perpustakaan

dan Penerbit USM, pelaksanaan penerbitan elektronik semakin dipergiatkan. Segala pelaksanaan projek penerbitan elektronik di Penerbit USM adalah hasil kerjasama yang dijalankan oleh Perpustakaan dan Penerbit USM. Dengan gabungan tenaga dan kemahiran dari kedua-dua jabatan ini sama ada dari segi editorial, kemahiran teknologi dan keputakawanan serta latihan IT yang berterusan telah membuahkan kejayaan.

Pusat Pengajian/Pusat/Unit

Terdapat beberapa pusat pengajian yang berjaya dan agak kehadapan dalam pembangunan laman web serta dokumentasi elektronik termasuk bahan nota kuliah elektronik. Mereka termasuk Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan, dan Perancangan (<http://www.hbp.usm.my/>); Pusat Pengajian Sains Komputer, (<http://office1.cs.usm.my/>) serta Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh. (<http://el.pppjj.usm.my>). Umumnya, ketiga-tiga Pusat Pengajian itu lebih menyediakan bahan yang berupa nota kuliah untuk pelajar. Dengan kewujudan laman web, Pusat Pengajian yang menyediakan bahan rujukan, sinopsis serta nota kuliah yang komprehensif kepada pelajar ini dapat menyediakan pengwujudan sebuah senario e-universiti.

Selain itu, terdapat sebuah pusat penyelidikan yang begitu aktif mewujudkan penerbitan elektronik di USM iaitu Pusat Racun Negara (PRN). Surat Berita Pusat Racun Negara secara elektronik boleh dicapai melalui <http://www.prn2.usm.my/mainsite/buletin/index.html> Antara kandungan yang dipaparkan dalam laman webnya ialah Buletin PRN, *PRN8099* (versi Inggeris) dan *PenawaRacun* (versi bahasa Melayu). Di samping itu, turut dimuatkan ialah artikel-artikel berkenaan PRN dan artikel yang telah tersiar di dalam akhbar Utusan Malaysia/Berita Harian serta Dewan Kosmik. Buletin elektronik yang dihasilkan oleh PRN merupakan salah satu sumber rujukan kesihatan dan yang mempunyai kaitan langsung tentang

isu keracunan, pendidikan kesihatan dan sebagainya. Portal ini merupakan salah satu sumber rujukan elektronik yang lengkap dan sistematik.

Selain buletin, monograf, buku, jurnal dalam versi elektronik terdapat juga penerbitan elektronik sebuah direktori atau buku panduan. Pada tahun 1999, Unit Perkhidmatan Kemudahan, Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Pendaftar USM, telah mewujudkan satu bentuk penerbitan elektronik yang sumber asalnya ialah sebuah buku panduan telefon. Maklumat tentang Panduan telefon elektronik banyak membantu dalam komunikasi antara jabatan serta pihak luar daripada USM untuk berurusan, kerana ia mengandungi entri maklumat seperti nama jabatan, jawatan, no. telefon, faksimile dan e-mel yang dikemas kini. Panduan telefon elektronik ini boleh dicapai melalui laman web <http://www.usm.my/pages/telefon.asp>

Sebuah institut di USM, iaitu Institut Pengajian Siswazah adalah salah satu contoh, yang berjaya memperkembangkan satu bentuk penerbitan elektronik, dengan memasukkan semua maklumat yang sebelum ini diedarkan dalam bentuk brosur. Kini para pelajar ijazah lanjutan serta calon-calon ijazah tinggi dapat mengetahui dengan cepat akan maklumat seperti tarikh kemasukan sidang baru, pendaftaran kemasukan secara talian, yuran dan maklumat biasiswa melalui laman web <http://www.ips.usm.my/>

Masalah dan Cabaran

Takrifan akan penerbitan elektronik merangkumi perkara yang luas, tidak terhad kepada capaian melalui web sahaja. Oleh itu, dengan teknologi yang sentiasa berubah dan bergerak pantas maka apa yang lebih penting bukannya isu teknologi mana yang digunakan, tetapi ialah capaian atau akses kepada bahan penerbitan elektronik tersebut adalah cepat, tepat, dan kemas kini. Menjayakan penerbitan elektronik adalah suatu

yang amat diperlukan dalam era komunikasi yang bergerak pantas, kerana organisasi yang semakin berdaya saing, inovatif dan bersifat global.

Cabaran untuk merealisasikan penerbitan elektronik boleh dilihat dari segi anjakan pemikiran organisasi, pelaburan kewangan, pengetahuan teknikal dan kepakaran. Adalah penting setiap organisasi atau sektor yang terlibat bersedia menerima suasana baru dan sanggup berubah daripada cara yang konvensional kepada pemahaman tahap dunia maklumat yang serba canggih, pantas, dan tanpa batas sempadan. Hanya mereka yang cepat, berinovasi dan kreatif akan mencapai kejayaan yang cemerlang dan mampu memberi kepuasan kepada klien.

Untuk memperkasakan lagi rancangan penerbitan elektronik di USM, langkah yang diambil termasuklah menjadikan penerbitan elektronik sebagai agenda penting dan semua penerbitan rasmi termasuk siri ucapan pihak Pengurusan Universiti, laporan tahunan, laporan jabatan dan sebagainya dijadikan dalam bentuk elektronik.

Kesimpulan

Untuk merealisasikan sepenuhnya penerbitan elektronik, institusi yang terlibat harus bersedia melabur dan membiayai serta memberi peruntukan belanjawan yang signifikan. Oleh kerana penerbitan elektronik bukan sahaja terhad kepada buku atau jurnal, malahan pelbagai teknologi baru perlu diintegrasikan. Jika penerbitan elektronik dalam pelbagai bentuk, seperti capaian internet, CD-ROM, DVD, PDA, Multimedia, Pangkalan Data Dalam Talian, maka lebih banyak usaha harus terlibat di dalam rencana itu. Penyediaan prasarana sahaja tidak mencukupi jika tidak disusuli dengan latihan berterusan kepada staf yang terlibat. Usaha penyelidikan dan pembangunan perlu diusahakan oleh institusi dalam bidang penerbitan elektronik melalui geran IRPA supaya kita tidak hanya

menjadi sebagai pengguna teknologi tetapi pencipta teknologi. Kerjasama antara institusi dan amalan perkongsian pintar juga adalah amat perlu supaya pertindihan kerja tidak berlaku dan seterusnya mengoptimalkan guna tenaga kepakaran yang sedia ada pada intitusi-institusi berkenaan. Meskipun kita berada di landasan yang betul melalui prasarana *Multimedia Super Corridor* (MSC) bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020 namun, tanpa dasar yang kukuh dan komitmen dari semua pihak baik individu, pentadbir universiti, institusi, industri dan kerajaan, usaha-usaha untuk menjayakan penerbitan elektronik di Malaysia pasti akan mengambil masa yang panjang untuk meraih kejayaan sepenuhnya.

Rujukan:

1. Electronic Publishing Steering Committee Report on Electronic Publishing Strategies for Cornell University, October 20, 1998.

<http://www.library.cornell.edu/ulib/pubs/EPSCFinalReport1998.htm>

2. PROJEK PENERBITAN ELEKTRONIK

<http://www.lib.usm.my/press/kkerja/projek.html>

3. PENGALAMAN PENERBITAN ELEKTRONIK PENERBIT USM. Isu dan Cabaran

<http://www.lib.usm.my/press/kkerja/isu.html>

4. <http://www.netlibrary.com>

5. Roosfa Hashim. *Status Jurnal Ilmiah Elektronik di Malaysia dan Sikap Ahli Akademik Terhadapnya*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan MAPIM, di Universiti Malaysia, 18 Ogos 2000.

6. Zainab Awang Ngah, et al. *An Attempt to Make Malaysian Scholarly Journal More Visible: The Case of MJCS and MJLIS Online*. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan MAPIM, di Universiti Malaysia, 18 Ogos 2000.

Penerbitan Terbaru dari Penerbit USM

Analisis sistem kuasa

Marizan Sulaiman
ISBN 983-861-217-0
Harga RM62.00

Asian Academy of Management

Journal. Volume 9, No.1
ISBN 1394-2603
Harga RM20.00

Aspek undang-undang dalam

pengurusan projek pembinaan
Abdul Aziz Hussin
ISBN 983-861-267-7
Harga RM36.00

Biostatistik

Chan Lai Keng, Kam Suan Pheng
ISBN 983-861-269-3
Harga RM60.00

Garis panduan reka bentuk bangunan asrama di Universiti Sains Malaysia

Sharifah Fairuz Syed Fadzil
ISBN 983-861-276-6
Harga RM10.00

Integrating technology in the mathematical sciences

Yahya Abu Hasan, Adam Baharum dan Ahmad Izani Mohd. Ismail
ISBN 983-2514-78-9
Harga RM79.00

Kajian perbandingan anatomi vertebrata

Ibrahim Jaafar
ISBN 983-861-270-7
Harga RM42.00

Komposit polimer diperkuat diperkuat pengisi dan gentian pendek semula jadi

Hanafi Ismail
ISBN 983-2514-57-6
Harga RM46.00

Konsep asas proses penyelidikan dan statistik dalam praktis kesihatan

Mohamed Izham Mohamed
ISBN 983-861-280-4
Harga RM28.00

Learning at a distance from principles to practice

Cheah Kooi Guan
ISBN 983-861-275-8
Harga RM38.00

SAMBUTAN AMBANG KEMERDEKAAN 2004 MERIAH

Laporan daripada Mohd Idris Hj Ali

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah mengadakan sambutan menyambut Ambang Kemerdekaan peringkat PTJ pada 27 Ogos 2004, jam 2.45 hingga 4.40 ptg bertempat di Foyer DTSP. Y.Bhg. Dato' Prof. Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM telah merasmikan majlis tersebut.

Sambutan ini adalah merupakan saranan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor agar semua PTJ mengadakan sambutan menyambaut Kemerdekaan peringkat PTJ masing-masing. Ini adalah merupakan kali ketiga Perpustakaan mengadakan sambutan Kemerdekaan bermula sejak tahun 2002.

Berbagai acara telah dijalankan. Majlis dimulakan dengan ucapan Pemangku Ketua Pustakawan dan diikuti ucapan perasmian oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor. Acara laian ialah Persembahan Koir dari Perpustakaan Kejuruteraan, Boria, Berbalas Pantun, Koir dari Perpustakaan Induk dan Persembahan poco-poco.

Persembahan poco-poco diketuai oleh Pemangku Ketua Pustakawan sendiri. Semua persembahan adalah

berdasarkan kepada tema kemerdekaan.

Lebih dari 250 orang telah menghadiri sambutan tersebut terdiri dari Warga perpustakaan Induk, Perpustakaan Kejuruteraan, Staf penerbit, pegawai perhubungan awam, pegawai Sukan, Pegawai kebudayaan dan juga pelajar USM.

Kemuncak sambutan ialah nyanyian beramai-ramai lagu kemerdekaan Sudirman Hj Arshad dengan mengibarkan bendera jalur gemilang.

Majlis diakhiri dengan jamuan ringan di Bilik Pelbagaiguna, Perpustakaan Utama I.

Majlis Sambutan Ambang Kemerdekaan pada tahun ini dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang telah dilantik oleh Perpustakaan yang terdiri dari mereka seperti berikut;

Penasihat
Y.Bhg. Datin Masrah Hj Abidin
Pengerusi
En. Mohd Idris Hj Ali
Setiasaha
Tuan Haji Mohd Shamsuri Jusuh



Ahli-ahli

En. Mohd Pisol Hj Ghadzali
Cik Noorizan Hj Abdul Hamid
Puan Habsah Abdul Rahman
Cik Radia Banu Jan Mohamad
En. Ku Azan Ku Ibrahim
En. Abdul Rahim Derani
En. Nor Azman Abdullah
En. Ariffin Aziz
En. Azizan Md Zain
En. Mahadzer Mokhtar
En. Zambri Hassan
En. Kamaruddin Bidin
Puan Che Omar Md Noor
Encik Shahnizam Abdul Rahim

Low energy cooling teknologi for Malaysian homes

Abdul Malek Abdul Rahman
ISBN 983-861-274-X
Harga RM38.00

Mahathir on science and technology (H)

ISBN 983-2514-68-1
Mashhor Mansor
ISBN 983-861-284-7
Harga RM29.00

Novel dalam kritikan

Sohaimi Abdul Aziz
ISBN 983-2514-64-9
Harga RM38.00

Pembangunan harta tanah: Perundangan dan prosedur pengurusan

Abdullah Mahmood dan Abdul Aziz Hussin
ISBN 983-2514-53-3
Harga RM28.00

Pemodelan alam sekitar dan ekosistem

Pengarang : Koh Hock Lye
ISBN 983-861-291-X
Harga RM 57.00

Pemuliharaan biodiversiti haiwan kepelbagaian hidupan liar di kampus Minden

Ibrahim Jaafar dan Shahrul Anuar Md. Sah
ISBN 983-861-265-0
Harga RM 10.00

Penanda DNA untuk kajian kepelbagaian genetik

Ahmad Sofiman Othman
ISBN 983-2514-60-6
Harga RM 28.00

Pentadbiran dan pengurusan harta pusaka- dalam era teknologi maklumat dan komunikasi

Abd. Rahni Mat. Piah dan Ahmad Abdul Majid
ISBN 983-2514-60-6
Harga RM 14.00

Proceedings of the 2nd. National Conference on Graphing Calculators

Rosihan M. Ali, Anton Abdulbasah Kami dan Adam Baharum
ISBN 983-2514-70-30

Promosi kesihatan penilaian dan perundangan kecergasan fizikal

Ahmad Tajudin Othman
ISBN 983-2514-54-1
Harga RM 10.00

Research assessment in institutions of higher learning

Molly N. N. Lee
ISBN 983-861-277-4
Harga RM 28.00

Setingan: Isu pengurusan, undang-undang dan pembangunan harta tanah

Abdul Aziz Hussin dan Wan Hazimzh Wan Hariri
ISBN 983-2514-44-4
Harga RM 32.00

Sistem peralatan dan ukuran

Mohd Zaid Abdullah
ISBN 983-2514-08-8
Harga RM 49.00

Cakap Siang Pandang-Pandang

PIMPIN

Pada bulan Mac lalu, staf Perpustakaan telah diberi peluang untuk menyertai kursus yang diberi nama PIMPIN. Kursus ini dianjurkan oleh Universiti untuk setiap jabatan. Seronok juga ketika mengikuti kursus ini kerana banyak sebabnya. Inilah pertama kali dalam masa 35 tahun Universiti ditubuhkan, Perpustakaan secara rasminya ditutup perkhidmatannya untuk selama 3 hari. Kursus ini juga telah mengumpul dan menemukan semua staf Perpustakaan dari ketiga-tiga kampus.

Kursus yang diadakan di sebuah resort terkenal itu, telah mendedahkan kepada peserta beberapa nilai yang harus dipegang oleh staf ketika menjalankan perkhidmatan. Modul kursus yang disusun rapi itu, merangkumi kedua-dua aspek rohani dan jasmani. Peserta telah didedahkan dengan kegiatan fizikal seperti berakit dan senaman selain itu acara berkumpulan di dalam kelas. Untuk peserta beragama Islam ditambahi pula dengan kuliah Subuh dan Maghrib.

Atuk berjaya sertai semua kegiatan.

ADA YANG UZUR ?

Walaupun PIMPIN diwajibkan untuk semua staf, yang baru masuk kerja dan yang dah hampir nak bersara, dan Perpustakaan telah memberi notis pemberitahuan sejak awal lagi, namun yang kurang sedapnya, ada juga staf yang memberi alasan untuk tidak hadir atau yang hadir tapi 'macam tak hadir' atau yang mengemukakan MC. Kata orang pengurusan 'ini adalah karenah staf'. Kita pun tidak tahu adakah mereka ini sengaja untuk bertindak demikian atau memang tidak boleh 'tinggal rumah' lebih dari 8 jam sehari (iaitu waktu pejabat?) atau apakah ini budaya orang kita bekerja? atau apakah ini protes yang ingin ditunjukkan kepada pihak pengurusan? Rasanya hal sebegini bukan sahaja berlaku di Perpustakaan, tetapi juga di jabatan lain.

Teringat pula kata-kata VC semasa majlis penutup, katanya "Staf yang bersikap begini sebenarnya tidak boleh dilayan ..." ahhh ... dalam maksud VC tu, pandai-pandailah masing-masing terjemahnya.

BERAKIT

Kegiatan yang signifikan semasa kursus PIMPIN tentunya acara berakit. Ia bermula dari bagaimana untuk membuat rakit sehinggalah rakit tersebut tiba ke destinasi. Disebalik acara ini, tersiratnya erti kerjasama antara peserta yang nak ditonjolkan. Maka di sini jugalah akan terserlahnya sikap tanggungjawab staf dan sudah tentu boleh dikaitkan dengan sikap semasa bertugas. Ketika membina rakit kita akan mendengar bermacam pendapat

untuk membinanya agar tidak terburai ketika meredah air di tasik nanti (pendapat biasanya bersifat positif). Selain itu adalah yang menghulur tangan untuk sama-sama mengikat dan membina rakit

tersebut dalam cuaca panas pada hari itu. Ini sebagai tanda kerjasama (walaupun ada juga yang lebih senang duduk-duduk di bawah bayang pokok-pokok atau yang terus tidak hadir). Ketika rakit dah siap dan sudah bersedia untuk belayar, maka ada yang menarik diri kerana masalah kesihatan. Maka belayarlak rakit tersebut melalui satu lagi kerjasama, iaitu sama-sama mendayung atau sama-sama memberi buah fikiran supaya rakit tersebut tiba ke destinasi. Dalam pelayaran itu juga tentu ada yang menjadi penumpang tanpa memberi sebarang reaksi kepada rakan yang bertungkus lumus menggerakkan rakit tersebut.

Acara ini tentunya memberi banyak pengajaran kepada mereka yang mau belajar, bagaimana kerjasama, 'team-work' dan tolong menolong memainkan peranan penting dalam menjalankan tugas dan tanggung-jawab kita seharian.

CEMERLANG

Sekali lagi Staf Cemerlang 2003 diumumkan. Mereka akan menerima wang sebanyak RM1000 selain dari sijil. Ini adalah tahun kedua anugerah ini diadakan yang bermula pada tahun lepas bersesuaian dengan skim gaji baru diperkenalkan iaitu Sistem Saraan Malaysia. Tahniah kepada mereka yang menerima anugerah tersebut. Kepada mereka yang tidak menerimanya, tidak bererti mereka tidak cemerlang, mungkin terlalu ramai yang dicalonkan dan bilangan terhad, mungkin juga kita masih perlu meningkatkan usaha dan memperbaiki prestasi diri sendiri, muhasabah diri kata orang, mungkin tahun depan?

Kata falsafah memberi lebih baik dari menerima

KERJA KERJA KERJA

Bercakap pasal cemerlang sememangnya ia berkait rapat dengan kerja kita. Sebenarnya pasal kerja dan semangat bekerja ni telah di tulis dalam keluaran lepas. Dah naik muak orang membacanya. Tetapi kerja tetap kerja. Malas ke, muak ke, datang pejabat saban hari ialah untuk bekerja. Kalau rasa malas dan muak, ambil cuti. Kalau ada duit



simpanan gunakan, kalau banyak pergi jauh-jauh, kalau ada sikit, pergi dekat-dekat, kalau langsung tidak ada rancang bagi ada. Inilah rasanya cara yang ideal bagi pekerja. Jangan dok hantam kerja sepanjang tahun, dan jangan pula dok malas kerja sepanjang tahun. Nak jadi pekerja yang dinamik bukan susah sangat, cuba tepuk dada tanya selera. Yang tak tahun tu selera malas banyak sangat. Budaya kedai kopi diperpanjangkan diwaktu pejabat, budaya ponteng dipersuburkan ini tidak baik. Sebaiknya ditanamkan budaya bagaimana meningkatkan diri. Membanyakkan kuantiti kerja, meningkatkan mutu kerja dan seterusnya menjiwai kerja.

Kita menyahut seruan kerajaan Cuti-Cuti Malaysia !!!!

PASAL MC ?

Bercakap pasal MC-MC yang bertaburan di jabatan-jabatan di USM ia telah menjadi semacam budaya pekerja pejabat. Susah sikit MC. Bermasalah sikit MC. Bengang sikit MC. Malas sikit MC. Pendek kata MC telah dijadikan ubat yang paling mujarab untuk segala hal ehwal berkaitan dengan tugas rasmi pejabat. MC telah dijadikan alat untuk menghalalkan ketidakhadiran bertugas dari 8.10 pagi

hingga 4.40 petang. MC telah disalah-gunakan. Disalah-tafsirkan. Kita sepatutnya membuang sikap sebegini kerana hal-hal sebegini jika dibudayakan lambat laun akan memakan diri sendiri dan akibatnya sudah tentu buruk, dan yang akan menanggung diri sendiri juga.

Teringat Ustaz kata semasa kuliah Subuh MC=Mati Cepat. Wallahuallam.

ISO 2000

Pada awal November lalu, sekali lagi kita diaudit oleh SIRIM untuk memastikan sijil ISO yang dimiliki oleh Perpustakaan terus relevan untuk dua tahun lagi. Maka staf Perpustakaan dengan segenap tenaga yang ada dikerahkan untuk memastikan kerja-kerja dokumentasi dan pelaksanaan berjalan mengikut keperluan ISO. Usaha kita pada kali ini berhasil lagi, dan Perpustakaan hanya menerima satu minor NCR.

Kalau dulu ada token selepas berjaya menerima sijil, tahun ni bagaimana pulak?

TELEVISION

Television's perfect. You turn a few knobs, a few of those mechanical adjustments at which the higher apes are so proficient, and lean back and drain your mind of all thought. And there you are watching the bubbles in the primeval ooze. You don't have to concentrate. You don't have to react. You don't have to remember. You don't miss your brain because you don't need it. Your heart and liver and lungs continue to function normally. Apart from that, all is peace and quiet. You are in the man's nirvana. And if some poor nasty minded person comes along and says you look like a fly on a can of garbage, pay him no mind. He probably hasn't got the price of a television set.

- Raymond Thornton Chandler, writer (1888-1959)



KETUA EDITOR RAIH DUA ANUGERAH

JENDELA mengucapkan tahniah kepada Ramli Abdul Samad, Ketua Editor Jendela kerana berjaya meraih dua anugerah.

Beliau mendapat tempat kedua atau naib johan dalam Peraduan Mengarang Esei Bagi Sektor Badan Berkanun 2003 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tahun sebelum itu beliau telah menang, juga bagi tempat yang sama. Ini kali kedua dan mungkin beliau akan mencatat 'hat trick' bagi tahun ini.

Peraduan anjuran DBP itu disertai oleh peserta daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kategori A) dari semua pelusuk negeri, bertujuan memberi peluang kepada seseorang itu melalui intelektual dan kreatifnya meningkatkan kemahiran, mengungkapkan buah fikirannya dalam bentuk tulisan yang tersusun dan terarah. Selain itu, peraduan ini bertujuan membentuk tabiat membaca dan membina ilmu dan juga untuk mendorong lebih ramai staf di sektor badan berkanun

menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan.

"Industri Pertanian Dalam Kemajuan Ekonomi Negara. Bincangkan" adalah tajuk esei yang memberi kemenangan kepada Ramli. Beliau telah menerima hadiah tersebut pada satu majlis khas Majlis Tinta Kencana 2003 pada 8 Disember 2003, di sebuah hotel berbintang lima.

Pada 9 September 2004 di Putrajaya, tepatnya di Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri, Ramli menerima hadiah sagu hati Anugerah Majlis Penyelidikan Dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) Bagi Peningkatan Kefahaman Terhadap Sains Dan Teknologi 2002. Sebelum ini juga pada tahun 1997 beliau telah meraih anugerah yang sama. Dalam hal ini Ramli telah banyak menulis rencana sains dan teknologi di media massa untuk kepentingan umum.

Sumbangan itu telah memberi beliau pengiktirafan sebagai warga



negara yang telah membantu meningkatkan kefahaman sains untuk rakyat Malaysia. Mungkin tahun ini beliau akan mencipta satu lagi 'hatrick', insyallah.

Kedua-dua anugerah itu telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Y. Bhg. Tan Sri Samsudin Osman.



- Naib Pengerusi Surau mulai 2001 hingga kini
- Pengerusi korban surau mulai tahun 2002 hingga kini
- Imam di surau

Penglibatan beliau diiktiraf dan pada 27 Februari 2004 lalu beliau mengambil anugerah itu di Dewan Budaya USM, sementara pihak Perpustakaan melalui badan sosialnya ASTAKA telah meraikan beliau pada 3 Mac 2004.

PERPUSTAKAAN MENERIMA PELAWAT

- Seramai 20 orang Pustakawan dari Universiti Malaya telah melawat Perpustakaan USM pada 12 April 2003 (Sabtu) untuk lawatan kerja.
- Seramai 15 orang pegawai dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Melaka telah melawat Perpustakaan dan Pusat Penerbit Universiti Sains Malaysia pada 28 Mac 2003 (Jumaat) untuk lawatan kerja.
- Seramai 11 orang pegawai dari Perpustakaan Awam Kedah telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan USM pada 25 Februari 2003 (Selasa) untuk meninjau dan mengadakan perbincangan mengenai pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berkaitan dengan ISO 9001 : 2000.
- Seramai 17 orang guru yang sedang mengikuti Kursus Pengurusan Pusat Sumber di Jabatan Sains Perpustakaan, Institut Perguruan Darulaman (IPDA) telah melawat Perpustakaan USM pada 28 April 2003 (Isnin) petang untuk melihat perkhidmatan yang berkaitan dengan Perpustakaan Maya.
- Seramai 7 orang staf dari Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas telah melawat Perpustakaan USM pada 8 Julai 2003.
- Perpustakaan Induk telah menerima 28 orang pelawat yang terdiri daripada pelajar Kursus Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM pada 25 Julai 2003.
- Seramai 12 orang 'Directors' CPA Australia & Council Members CPA Malaysian Division telah membuat lawatan ke Perpustakaan pada 25 Julai 2003 untuk melihat sumber maklumat dan perkhidmatan yang disediakan dalam bidang Pengurusan, khususnya Kursus Perakaunan.

- Pada bulan Oktober 2003, Perpustakaan Induk telah menerima pelawat dari:-
 - √ Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Malik, Kedah
 - √ Rajabhat Institute, Surathani, Thailand
 - √ Institut Perguruan Darulaman Kedah.
- Pada bulan Disember 2003, Perpustakaan Induk telah menerima pelawat dari :-
 - √ Mission College, Muak Lek, Saraburi, Thailand
 - √ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 - √ Kolej Matrikulasi, Pahang
 - √ Universiti Teknologi MARA, Sungai Petani, Kedah.



Sebuah Catatan Perjalanan

Editor dan Puan Rugayah Ali (Pustakawan dari Kampus Kesihatan, Kelantan) telah berpeluang untuk mengikuti kursus sambil belajar di Monash University Library, Australia. Ikutilah catatan pengalaman ketika berada di sana.

Pada awalnya saya diasuk oleh perasaan berbelah-bagi antara 'nak dengan tak nak' menerima tawaran kursus sambil belajar di Monash University Library (MUL). Perasaan begitu bukan sesuatu yang aneh kerana hampir semua manusia di dunia ini akan menghadapinya.

'Nak tak nak' akan tawaran akhirnya diterima juga selepas menerima saranan, pandangan, nasihat dan tidak kurang juga gertakan daripada kawan-kawan sepejabat.

Penerbangan Kuala Lumpur-Melbourne mengambil masa agak lama, 7 jam. Masa yang lama itu agak melelahkan, lalu sepanjang malam terpaksa berkhayal di dalam pesawat yang kadang-kadang kadar kelembapannya agak tinggi sehingga menyebabkan salah seorang penumpang mengalami serangan sesak nafas. Keletihan penerbangan dikejutkan pula bukan sahaja oleh cuaca sejuk di negara itu, malah anjing-anjing di lapangan terbang yang turut menghidu setiap beg kami atau segala bekalan makanan yang dibawa dirampas pengawal lapangan terbang gara-gara tidak ikut kehendak dan peraturan mereka.

Kami seramai 12 orang pustakawan dari pelbagai universiti di Malaysia adalah antara pustakawan yang bernasib baik mengikuti program ini. Program ini dianjurkan oleh MUL dengan Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) buat julung-julung kalinya. Nasib kami bertambah baik kerana segala perbelanjaan ditanggung, di samping itu dapat peluang berkenalan-mesra dengan pustakawan-pustakawan di sana!

Program selama tiga minggu yang disusun oleh penganjur agak padat. Mereka ini nampaknya langsung tidak memberi peluang




Bersama Ketua Pustakawan MUL dan Rugayah

kepada kami untuk bersantai, hanya pada penghujung minggu, barulah kami mempunyai sedikit masa untuk menarik bernafas. Program yang diatur sememangnya memberi manfaat kepada peserta terutamanya mereka yang kurang pengalaman kerja, sementara itu banyak peluang dibuka untuk mengenali dengan lebih mendalam kaedah dan cara gerak-kerja mereka dalam menaikkan nama dan mutu perkhidmatan perpustakaan.

Rangkaian kerja yang sempurna, sistem kerja yang mantap dan komitmen yang diberikan oleh setiap individu adalah antara resipi yang mereka gunakan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan di perpustakaan. Rata-rata mereka yang ditemui menunjukkan sikap tanggungjawab yang tinggi terhadap tugas mereka. Komitmen yang mereka berikan tidak berbelah-bagi dan mereka yakin serta mempunyai pengetahuan yang luas serta mendalam dengan tugas mereka.

Di atas keyakinan inilah mereka menaikkan nama Perpustakaan mereka kepada satu tahap yang boleh diterima sehingga ke peringkat dunia.

Antara perkara yang jelas mereka tekankan, ialah bagaimana untuk mengoptimalkan masa semasa bertugas. Mungkin di sana tidak ada Medan Suri atau Taman Sardon atau tarikan-tarikan lain yang boleh



mengamit atau mencuri fokus tumpuan kerja kita, atau dengan kata lain, bersantai sewaktu masa bekerja.

Satu perkara yang amat jelas, saya dapati peraturan mereka berfesyen ke pejabat agak longgar, malahan cukup bebas berfesyen namun dari segi penyediaan sesuatu tugas pejabat itu harus tepat dan bermutu, mereka tidak akan berkompromi dalam hal ini.

Bagi kita pula, yang sebaliknya, mengenakan peraturan yang agak ketat terhadap cara berfesyen ke pejabat (seperti bertali leher dan sebagainya) tetapi mutu kerja tidak terkawal, banyak masa terbuang atau ditumpukan dengan tugas yang bukan hakiki atau pada masa yang sama kita terus melupakan tentang budaya kerja dan produktiviti.

Antara Perpustakaan USM dan MUL tidak terdapat banyak bezanya dari segi kematangan. MUL hanya berusia 2 tahun lebih tua. Seperti MUL, PUSM juga mempunyai 6 buah perpustakaan secara fizikal, namun dalam beberapa hal lain pula, kita membiarkan kita ditinggalkan.

MUL sendiri telah menjangkau dunia dari segi namanya sebagai sebuah universiti tersohor. Banyak faktor yang boleh diberikan kenapa berlakunya jurang 'di antara kita dan dia'. Antaranya seperti yang dibicarakan

PAMERAN KOLEKSI MALAYSIANA DAN ARKIB

Oleh Omar Yusoff

Bahagian Malaysiana dan Arkib telah mengadakan satu pameran. Pameran ini julung-julung kali diadakan. Seperti yang sedia maklum bahawa Bahagian Malaysiana dan Arkib telah wujud pada tahun 1972, tiga tahun selepas tertubuhnya perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1969. Sejak itu koleksinya telah terkumpul sehingga mencecah lebih kurang 52,000 bahan.

Sempena ulang tahun ke-35 penubuhan USM, pihak perpustakaan telah memutuskan bahawa salah satu daripada beberapa program meraikan ulang tahunnya ialah mengadakan pameran bagi sebahagian daripada koleksi Malaysiana dan Arkib. Koleksi Malaysiana dan Arkib mempunyai keunikannya. Koleksinya terdiri daripada bahan yang merangkumi maklumat yang mengenai Malaysia, Singapura dan Brunei.

Selain itu koleksi Malaysiana dan Arkib merupakan koleksi yang dipelihara dan dipemulihara. Warisan ilmu yang terkandung dalam koleksi itu diorientasikan untuk tujuan memenuhi keperluan penyelidikan dan pengajaran program akademik USM.

Koleksi Malaysiana dan Arkib mempunyai enam jenis iaitu :-

- Koleksi Malaysiana
- Koleksi Arkib Universiti Sains Malaysiana
- Koleksi Risalah Malaysiana
- Koleksi Buku Nadir
- Koleksi Tokoh-Tokoh Wilayah Utara dan Koleksi Sejarah Lisan
- Koleksi Kenangan Abadi USM

Satu majlis meraikan pameran ini telah dilaksanakan dengan jayanya. Y.Bhg. Profesor Dato' Dzulkifli Abdul



Razak, Naib Canselor USM telah merasmikan majlis pameran itu pada 10 September 2004.

Pameran dibuat di bilik bacaan Bahagian Malaysiana dan Arkib sendiri. Sebelum itu Bahagian Malaysiana dan Arkib telah diubah sesuai bagi menampung pertambahan koleksinya. Pameran dibuka untuk orang awam sehingga 10 Oktober 2004.

Tema pameran ialah "Bersama Memelihara Warisan Ilmu."

Tema ini bersesuaian dengan matlamat utama Bahagian Malaysiana dan Arkib, iaitu untuk membina dan menyelenggara (pemuliharaan dan pemeliharaan) satu koleksi mengenai Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam yang lengkap dan mendalam bertujuan menyokong kecemerlangan pada pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan universiti.

Bahan-bahan seperti monograf, buku, majalah, keratan-keratan akhbar lama berkaitan perkembangan Universiti Sains Malaysia, pita-pita rakaman mengenai Pendudukan Jepun di Pulau Pinang melalui penceritaan pengalaman yang dilalui oleh responden yang ditemu bual, album-album yang menyimpan gambar foto-gambar foto lama berkaitan Universiti Sains Malaysia, Risalah Malaysiana, bahan Nadir, Koleksi Khas adalah di antara bahan-bahan yang dipamerkan. Pemilihan bahan adalah berdasarkan kepada bahan-bahan yang bernilai sejarah. Pameran mendapat liputan akhbar tempatan seperti *New Sunday Times* dan *Berita Kampus*.

... dari muka surat 30

di atas, sedangkan faktor sampingan lain seperti masalah bajet tahunan yang akan melibatkan pembangunan koleksi yang agak terencat, kemudahan prasarana seperti penerapan teknologi komputer yang terhad dan pengembangan pembangunan fizikal lain yang tidak setara.

Sebagai perbandingan, kita sudah cukup untuk menjadi sebuah perpustakaan yang baik sebagai menyokong pembangunan pembelajaran tetapi tidak cukup sekiranya berhajat untuk bahu-membahu dengan perpustakaan lain yang sudah terkenal, apatah lagi untuk bersaing.

Sepanjang hampir sebulan di sana, kami telah dapat membuat beberapa rumusan berkaitan nilai, pekerjaan, komunikasi, tolak ansur dan beberapa unsur kemanusiaan yang lain. Dari segi pekerjaan, kita sebenarnya patut lebih banyak belajar tentang disiplin dan komitmen kerja. Banyak perkara yang berkaitan

dengan hubungan antara manusia patut diterapkan ke dalam kehidupan seharian seperti ketepatan masa, sedia menolong dan sedia memberi dorongan serta sikap yang lebih terbuka.

Lawatan ini juga agak kurang tepat dari segi masa kerana sepanjang sebulan kami di rantau itu, kami terpaksa berdepan dengan cuaca musim sejuk, ditambah pula dengan kekerapan angin kencang dan hujan, semua itu tidak menyenangkan kehadiran kami. Mungkin program sangkut ini boleh dicadangkan dibuat pada musim panas.

Pada 27 Jun kami mengucapkan selamat tinggal Monash dan Melbourne, para peserta wanita nampaknya senyum puas sepanjang penerbangan pulang (kerana acara shopping yang mereka jadualkan tidak pernah ingkar), kapal terbang yang membawa kami pulang ke Malaysia lebih sarat kali ini dengan pelbagai cenderamata, pengalaman dan kenangan semasa di sana!

KURSUS PIMPIN: SUNTIK SEMANGAT BARU UNTUK STAF PERPUSTAKAAN



Pada 4 hingga 6 April 2004, semua staf Perpustakaan dari ketiga-tiga kampus telah menghadiri Kursus Pimpin Siri Ke-11 anjuran Universiti yang diadakan di salah sebuah kawasan peranginan terkemuka. Kursus selama tiga hari itu merupakan program khas yang wajib dihadiri oleh semua staf. Kursus ini pada dasarnya bertujuan mengumpul semua staf dari satu jabatan berkampung dan menghadiri beberapa aktiviti yang dijadualkan. Aktiviti tersebut dititikberatkan kepada semangat kerja berkumpulan dan motivasi diri.

SISTEM KESELAMATAN PERPUSTAKAAN DI PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

Perpustakaan dalam rangka persiapan terakhir menyiapkan kerja-kerja pemasangan dan penampalan tag keselamatan RFID (Radio Frequency Identification) untuk Koleksi Sains dan Teknologi.

Kerja-kerja ini merupakan fasa pertama yang melibatkan pemasangan peralatan seperti pagar keselamatan, 'self check station', kotak pemulangan buku dan

,staf station, disamping sebanyak 150,000 tag untuk koleksi tersebut.

Beberapa siri latihan penggunaan peralatan dan kesedaran diberikan kepada staf.

Manakala kerja untuk fasa seterusnya akan bersambung sebaik sahaja kerja-kerja ini selesai.

Kerja untuk fasa seterusnya akan mengambil masa yang lebih panjang, kerana semua buku di Perpustakaan

Hamzah Sendut akan ditagkan. Jumlah ini dianggarkan melebihi 200,000 buku.

Apabila siap projek ini, keselamatan bahan-bahan perpustakaan akan lebih terjamin dan para pengguna dapat membuat urusan pinjaman atau pemulangan bahan dengan lebih selesa.

ILMU PERDANA GANTI PHOENIX

Pada 15 Julai 2004, Perpustakaan USM telah menamatkan perkhidmatan aplikasi komputer PHOENIX yang diguna sejak tahun 1997. Penamatan penggunaan aplikasi PHOENIX, iaitu Sistem Bersepadu Perpustakaan Secara Talian (SBSTP) telah diganti dengan sistem ILMU PERDANA.

Penukaran ini dibuat kerana sistem PHOENIX tidak lagi sesuai dan memberi banyak masalah terutamanya berkaitan dengan kerja penyelenggaraannya.

Penukaran kepada sistem Ilmu Perdana akan memberi imej baru dan meningkatkan mutu perkhidmatan di Perpustakaan.

Di samping itu, sistem ini mempunyai beberapa nilai tambah sebagai sistem perpustakaan moden kerana berorientasikan web dan lebih mesra pelanggan.

Sehingga kini perpustakaan telah mengguna tiga aplikasi komputer, iaitu DOBIS/LIBIS, PHOENIX dan terkini ILMU PERDANA.

Sidang Pengarang JENDELA

Ramli Abdul Samad (Ketua Editor)
Abd. Akla Wan Ismail (Editor)
Kiru (Kartunis)

Sidang Pengarang juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru 2005 kepada semua pembaca. Semoga tahun baru ini membawa berkat dan rahmat.